

PARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIKHAMIS: 1 APRIL 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4, 6, 14 HINGGA 71)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3, 5,
7 HINGGA 13

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 4

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PAD A
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]

1 April 2010 (KHAMIS)

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan maklumat harga sayuran utama di ladang dan di pasaran kerana didapati harga di ladang rendah serta kos bahan input yang semakin tinggi termasuk kos operasi. (tidak balik modal).

Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membantu penanam sayur ini.

JAWAPAN
Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Kementerian, secara amnya petani masih mendapat keuntungan dari usaha mereka cuma margin keuntungan sahaja yang mungkin terjejas. Indeks harga ladang untuk 10 komoditi sayuran utama seperti cili merah, kacang bendi, kacang buncis, kacang panjang, kailan, kangkung, sawi hijau, terung panjang dan timun didapati meningkat 6%

tahun 2008 dan 7% tahun 2009 berbanding tahun 2007. Sebagai contoh bagi cili merah, purata harga ladang pada tahun 2007 adalah RM3.75/kg telah meningkat kepada RM4.10/kg pada tahun 2008 dan meningkat lagi kepada RM4.70/kg pada tahun 2009. Kajian Kos dan Margin yang telah dijalankan oleh FAMA pada tahun 2008, juga menunjukkan bahawa harga ladang yang diterima oleh petani adalah 50% daripada ringgit pengguna (< 30% adalah tidak memuaskan).

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membantu petani dalam menangani kenaikan kos pengeluaran seperti berikut:

- i. menyediakan Insentif Pengeluaran Tanaman dibawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan;
- ii. menggunakan kaedah Ladang Kontrak diantara PPK dengan peladang terlibat bagi tanaman cili, jagung dan sayuran dengan swasta dan FAMA untuk jaminan pasaran;
- iii. menggalakkan penggunaan teknologi penanaman yang boleh meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran ladang. Sebagai contoh adalah penggunaan 'Sistem Sprinkler', teknologi fertigasi dan penggunaan baja organik didalam pembajaan.
- iv. menawarkan tapak jualan di pasar-pasar tani kepada petani untuk petani menjual pada harga runcit;
- v. memulihkan harga ladang melalui pembelian lebihan bekalan; dan

- vi. mewujudkan persaingan harga di ladang dengan menawarkan harga yang lebih tinggi terutama bagi produk gred baik.

- vii. Petani juga digalakkan mengikat “forward contract” dengan FAMA melalui program Ladang Kontrak. Di bawah program ini, FAMA menawarkan harga lantai di mana petani akan dibayar pada harga ini walaupun harga pasaran jatuh di bawah parasnya. Sebagai contoh petani ladang kontrak rambutan di Langkawi telah dibayar pada harga lantai RM0.80 walaupun harga pasaran telah jatuh pada RM0.60 pada tahun 2009, dan Ladang Kotrak tembikai di Besut, petani telah dibayar pada harga lantai RM0.50, walaupun harga pasaran jatuh RM0.25.

Petani-petani juga boleh mengikat kontrak dengan syarikat-syarikat pemasar.

NO. SOALAN: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH

1 APRIL 2010

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan-tindakan Kerajaan untuk memperkasakan Pulau Pinang sebagai hub pengangkutan dan apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan di Pulau Pinang di bawah NKRA.

JAWAPAN :

Tuan yang Di pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa penyediaan kemudahan pengangkutan awam yang efisien dan selamat adalah salah satu cabaran utama. Kerajaan sememangnya komited untuk menambahbaik mutu perkhidmatan pengangkutan awam dan ini terbukti apabila pengangkutan awam disenaraikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara.

Pada masa ini, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi memperkasakan sistem pengangkutan awam di negara kita. Salah satu usaha yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang adalah perkhidmatan Bas Rapid Penang. Pada masa ini, perkhidmatan bas ini merangkumi 43 laluan dengan 300 bas yang beroperasi di sekitar pulau dan Seberang Prai. Di masa hadapan, Rapid Penang merancang untuk meluaskan perkhidmatan bas antara bandar ke

negeri-negeri di bawah Koridor Pembangunan Wilayah Utara seperti Perak, Kedah dan Perlis.

Selain itu, usaha jangka sederhana yang sedang dilaksanakan adalah penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang akan bertindak sebagai agensi tunggal dalam merancang, menyelia serta menguatkuasa pengangkutan awam darat. Pengwujudan SPAD akan mengurangkan pertindihan bidang kuasa antara sekurang- kurangnya 13 agensi yang terlibat dalam pengurusan pengangkutan awam darat pada masa ini. Suruhanjaya ini dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun ini apabila akta-akta yang berkaitan diluluskan di Parlimen. Di samping itu, Kerajaan juga sedang menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama yang merangkumi 11 bandar utama di seluruh negara **termasuk bandar Georgetown**. Apabila siap kelak, kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam perancangan dan pembangunan pengangkutan awam di negara ini termasuk di Pulau Pinang.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN
CHE NIK
(SIK)
TARIKH : 1.04.2010
SOALAN ;

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
menyatakan status kedudukan pembinaan jalan raya
Persekutuan dari Teloi Timur ke Padang Toi Batu 5 bernilai
RM10 juta yang telah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri
pada tahun 2008 yang lalu (semasa pilihan raya umum ke- 12)

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, skop pembinaan projek jalan Luar Bandar (JALB) Kementerian ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf dan membina baru jalan-jalan di kawasan luar bandar dan tidak termasuk jalan raya Persekutuan. Sehubungan itu, pembinaan jalan raya Persekutuan dari Teloi Timur ke Padang Toi Batu 5 tidak termasuk dalam senarai pelaksanaan projek JALB di bawah Kementerian ini untuk dilaksanakan di bawah RMKe9 atau RMKe10.

SOALAN NO : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH 1 APRIL 2010
SOALAN

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah laporan autopsi oleh doktor forensik Pornthip Rojanasunand dalam kes Teoh Beng Hock akan diumumkan kepada rakyat. Dan kenapa pendapat pakar forensik antarabangsa kedua diperlukan dalam kes lanjutan Teoh Beng Hock. Adakah keupayaan dan taraf pakar forensik negara kita terhad ataupun masalah kredibiliti.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak warga kerja Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan tugas dengan sebaiknya mengikut prosedur dan garis panduan sedia ada bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perubatan termasuk perkhidmatan bedah siasat yang dilakukan secara professional.

Penglibatan doktor forensik Pornthip Rojanasunand dalam kes Teoh Beng Hock adalah di atas permintaan keluarga mendiang Teoh Beng Hock melalui peguam mereka. Dengan itu, laporan autopsi oleh doktor forensik Pornthip Rojanasunand bukannya di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan. Tambahan pula buat masa ini, kes ini sedang dibicara di mahkamah, maka segala proses dan prosedur mahkamah wajib dipatuhi.

Keluarga mendiang melalui peguam mereka telah memohon kepada mahkamah supaya bedah siasat kedua dijalankan oleh Pakar Perubatan Forensik, Hospital Sg. Buloh. Keupayaan dan taraf serta kredibiliti Pakar Forensik negara adalah setaraf dengan doktor forensik dari luar negara.

Pada masa ini terdapat 20 orang Pakar Forensik yang berkhidmat di 13 buah hospital diseluruh negara iaitu di Hospital Sultanah Bahiyah, Aior Star Hospital Pulau Pinang, Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Hospital Kuala Lumpur .Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Raja Perempuan Zainab Kota Baru dan Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH 1 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah peruntukan Rakan Alam Sekitar sebanyak RM30.000 hanya diberikan kepada ahli Parlimen BN sahaja. Adakah ini bermakna kawasan yang diwakili oleh Pakatan Rakyat, alam sekitarnya sudah pun terpelihara walhal kawasan Ahli Parlimen BN belum terurus.
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rakan Alam Sekitar merupakan satu program yang direkabentuk supaya mempunyai unsur-unsur pemantauan, pelaksanaan dan maklumbalas keberkesanan aktiviti-aktiviti alam sekitar yang dilaksanakan. Program ini melibatkan anggota masyarakat secara “hands-on” atau fizikal untuk membantu agensi-agensi kerajaan dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang mencemar atau merosakkan alam sekitar. Program Rakan Alam Sekitar ini dijalankan di setiap kawasan Parlimen.

Pelaksanaan Program Rakan Alam Sekitar ini dipantau oleh sebuah Jawatankuasa iaitu, Jawatankuasa Rakan Alam Sekitar Peringkat Kawasan Parlimen. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pemimpin masyarakat yang dilantik oleh Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Urusetia bagi Jawatankuasa ini ialah Jabatan Alam Sekitar Negeri. Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), badan bukan Kerajaan (NGO), persatuan penduduk tempatan dan individu-individu tertentu yang dilantik.

Sejumlah RM30.000 diperuntukkan bagi setiap Jawatankuasa ini untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

Sehingga kini sebanyak 115 kawasan Parlimen telah melaksanakan program ini. Peruntukan telah diberi kepada semua negeri sama ada negeri-negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) atau tidak mengikut keutamaan isu-isu alam sekitar setempat.

SOALAN NO. 17

Semua kawasan di seluruh negara sama ada kawasan BN atau bukan BN tidak terkecuali dari masalah atau isu alam sekitar. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa memantau dan akan terus mempergiatkan usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar negara. Dalam hubungan ini, tujuan program Rakan Alam Sekitar bukan sahaja untuk mengawal masalah alam sekitar, tetapi yang lebih penting adalah usaha-usaha mencegah, di samping mempertingkatkan lagi binaupaya penduduk setempat supaya lebih prihatin terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PARLIMEN

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA : YBTUAN DING KUONG HUNG (BN) (SARIKEI)

TARIKH

1 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Ding Kuong Hiing (BN) (Sarikei) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menambahbaik Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Sarikei dan Pakan yang begitu menyedihkan dan sesak untuk golongan OKU di sekitar kawasan ini. Nyatakan juga peruntukan yang telah diberikan di bawah RMK-9 dan perancangan di bawah RMK-

10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) iaitu satu (1) program untuk golongan orang kurang upaya (OKU) yang dilaksanakan di komuniti setempat dengan penglibatan aktif ibu bapa, komuniti dan golongan OKU sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDK Pakan diwujudkan pada tahun 2009 dan mempunyai seramai dua puluh lima (25) orang pelatih yang mengikuti latihan dan

pemulihan yang disediakan, manakala PDK Sarikei diwujudkan pada tahun 2010 dengan bilangan pelatih seramai satu ratus enam puluh tiga (163) orang.

Keadaan kesesakan di PDK Sarikei berlaku disebabkan kerja-kerja pengubahsuaian di premis PDK Pakan di mana pelatih dari PDK berkenaan seramai dua puluh lima (25) orang ditempatkan sementara di PDK Sarikei. Ini menjadikan bilangan keseluruhan pelatih di PDK Sarikei seramai satu ratus lapan puluh lapan (188) orang. PDK Pakan mampu menerima lebih ramai pelatih apabila kerja-kerja pengubahsuaian siap pada pertengahan tahun 2010 dan ianya dapat mengurangkan kesesakan di PDK Sarikei. Untuk menambahbaik program PDK Sarikei dan PDK Pakan, Kementerian melalui JKM antara lain akan

- a) Mewujudkan beberapa PDK baru berhampiran Sarikei dan Pakan untuk membolehkan lebih ramai pelatih diterima dan bagi mengurangkan kesesakan di kedua-dua buah PDK berkenaan;
- b) Memperluaskan tempoh operasi di PDK dari satu sesi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang dengan kehadiran pelatih yang berlainan; dan
- c) Memastikan kekerapan lawatan ke rumah OKU (*outreach*) oleh Petugas PDK bagi pelatih yang tidak dapat hadir mengikuti program di PDK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMK-9, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sepuluh (RM110)

juta untuk menjayakan program PDK. Di bawah RMK-10 pula, Kementerian merancang untuk memantapkan lagi program pembelajaran dan pemulihan bagi OKU di PDK dengan mewujudkan lebih banyak PDK di semua kawasan bandar dan luar bandar.

Selain daripada itu, pembinaan Taman Sinar Harapan (Institusi Pemulihan OKU) di Sarikei juga telah dicadangkan di dalam perancangan RMK-10. Oleh yang demikian, golongan OKU di Sarikei bukan sahaja berpeluang untuk mengikuti program di PDK tetapi juga dapat mengikuti program pemulihan dengan lebih berkesan dengan pembinaan Taman Sinar Harapan.

Soalan No : 18

PEMBERTAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISA
N Y.B. TUAN LIEW CHIN
TONG (BUKIT
BENDERA)

TARIKH 01.04.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menyediakan kemudahan akses bagi pelajar-pelajar OKU yang menyertai sekolah-sekolah rendah dan menengah biasa (bukan sekolah pendidikan khas) di setiap negeri, jika ada berapakah sekolah rendah dan menengah telah disediakan mengikut negeri dan jika tiada, apakah dasar untuk berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) prihatin dengan keperluan murid terutama yang memerlukan perhatian dan kemudahan khas. KPM menyediakan kemudahan akses bagi murid-murid OKU di sekolah harian biasa yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) sebanyak 391 Program Pendidikan Khas Integrasi telah dinaiktaraf dan sejumlah 178 program baru telah diwujudkan. Antara kerja-kerja pengubahsuaian yang telah dilaksanakan ialah menyediakan kemudahan tandas yang sesuai dan laluan tanpa halangan ke bangunan sekolah.

Pecahan projek pengubahsuaian mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	2006		2007		2008		Jumlah
	Perluasan	Naik Taraf	Perluasan	Naik Taraf	Perluasan	Naik Taraf	
Perlis	0	2	2	2	0	2	8
Kedah	1	2	4	11	4	0	22
Pulau Pinang	1	7	7	11	0	0	26
Perak	0	8	23	12	4	9	56
Selangor	0	8	3	14	13	0	38
WP Persekutuan	0	4	8	16	2	6	36
N. Sembilan	2	5	7	24	5	4	47
Melaka	0	4	5	21	14	6	50
Johor	0	9	15	56	2	8	90
Pahang	0	6	4	17	5	32	64
Terengganu	2	5	4	18	2	11	42
Kelantan	0	5	11	2	10	0	28
Sarawak	0	6	2	11	1	14	34
Sabah	2	2	8	6	3	3	24
WP Labuan	1	0	1	1	0	0	3
WP Putrajaya	0	0	0	0	0	1	1
JUMLAH	9	73	104	222	65	96	569

Projek pembinaan sekolah harian baru dalam RMKe-10, kerajaan akan menitikberatkan reka bentuk bangunan dan kemudahan prasarana dengan mempertimbangkan ciri-ciri mesra OKU seperti tandas, dan bebas halangan, kekemasan *tile, handrail, ramp* dan ruang yang mencukupi bagi pengguna berkerusi roda. Sebanyak 381 Program Pendidikan Khas Integrasi telah dimasukkan dalam senarai cadangan '*rollingplan*' 1 RMKe-10 (2011 - 2012).

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA YB DATUK HAJI BAHARUM BIN
MOHAMED [SEKIJANG]
TARIKH KHAMIS, 1 APRIL 2010
RUJUKAN : 06 [PR-1231-L36647]

SOALAN

Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan sejauh mana pemasangan CCTV di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur telah dapat menyelesaikan masalah trafik dan pembanterasannya jenayah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang, menurut takrif Wikipedia, CCTV (dengan izin *Closed Circuit Television*) ialah penggunaan kamera video untuk menghantar isyarat ke suatu tempat yang spesifik dan dipaparkan di atas jumlah monitor yang terhad.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan sistem CCTV sejak tahun **1979**.

Tujuan asal pemasangannya adalah untuk memantau keadaan lalu lintas di Kuala Lumpur. Kini, CCTV turut digunakan oleh pihak berkuasa sebagai alat untuk memantau perlakuan jenayah. Pemasangan CCTV di sekitar bandar raya Kuala

Lumpur didapati telah berjaya membantu mengawal lalu lintas dan pambanteras jenayah.

Dalam pengurusan lalu lintas, CCTV yang dipasang di lokasi-lokasi terpilih menyalurkan gambaran sebenar mengenai keadaan semasa (*real time*) lalu lintas ke Pusat Kawalan Trafik, DBKL. Di Pusat Kawalan Trafik DBKL, kakitangan yang terlatih akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menguruskan perjalanan pengguna seperti menyelaras tempoh masa hijau lampu isyarat dan menambah masa pada setiap pusingan (*cycle time*) di persimpangan-persimpangan yang terdapat berlampu isyarat.

Dalam fungsi pambanteras jenayah pula, CCTV yang dibekalkan dan dipasang oleh DBKL disambung terus ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) untuk tujuan pemantauan perlakuan jenayah. Unit-unit CCTV yang telah dipasang di lokasi-lokasi yang dicadangkan oleh PDRM didapati telah membantu untuk mencegah, membanteras dan juga mengesan perbuatan jenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN CHONG ENG

TARIKH: 1 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan statistik gaji purata seorang graduan baru mengikut bidang dalam tempoh 1999-2009. Adakah gaji graduan meningkat secara memuaskan, jika tidak apa sebabnya dan apakah rancangan Kerajaan untuk menangani masalah ini.

PR-1231-L35648

JAWAPAN:

SOALAN NO: 21

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai statistik gaji graduan baru mengikut bidang bagi tempoh 1999-2009 seperti yang diminta.
2. Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, gaji yang ditawarkan kepada graduan baru sektor swasta adalah lazimnya dipengaruhi oleh faktor kuasa pasaran dari masa ke semasa. Mengikut laporan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan (NER 2009) yang dibuat oleh KSM purata gaji graduan baru bagi sektor swasta mengikut bidang adalah seperti berikut:

1	Kejuruteraan/ Teknikal/ Pembinaan	RM 2093.00
2	Perubatan/ Kesihatan	RM 2175.00
3	ICT/ Komunikasi/ Penyiaran	RM 2057.00
4	Pentadbiran/ Pengurusan/ Perundangan	RM 2025.00
5	Hospitaliti/ Pelancongan/ Kesenian	RM 1918.00
6	Pemasaran / Penjualan	RM 2063.00
7	Kewangan	RM 1898.50
8	Pendidikan	RM 2010.00

3. Kementerian Sumber Manusia akan terus memantau kadar upah / gaji pekerja negara ini supaya matlamat Model Ekonomi Baru (MEB) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Mac 2010 supaya pendapatan per kapita rakyat meningkat kepada AS\$ 15,000 setahun menjelang tahun 2020 dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	1 APRIL 2010 (KHAMIS)
DARI PADA	Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINCCI (KAPIT)

SOALAN

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINCCI (KAPIT) mintd
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMP AT AN

SOALAN (21)

menyatakan berapa besar keluasan bukit bukau di seluruh Malaysia yang termusnah akibat pembangunan terancang mahupun tidak terancang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab dalam merangka dasar berkenaan tanah tinggi dan memantau garis panduan ini sama ada ia diterima pakai di peringkat negeri.

walaupun bagaimanapun, tugas bagi memastikan semua pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi dibuat secara terancang adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Kuasa untuk meluluskan sesuatu pembangunan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Justeru, KPKT juga tidak mempunyai data atau rekod keluasan bukit bukau di seluruh Malaysia yang termusnah akibat daripada pembangunan terancang dan tidak terancang.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

NO. AUM : 75

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	SOALAN:
DARIPADA		LISAN
TARIKH		DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]
RUJUKAN		1 APRIL 2010
		2436

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan Jabatan Imigresen tahun 2009 dalam operasi:-

- (a) membuat serbuan dan tangkapan pelajar luar negara yang telah tamat visa pelajar dan bekerja tanpa permit; dan
- (b) membuat serbuan terhadap pendatang asing tanpa permit kerja dan masuk dengan visa pelawat serta terlibat dalam aktiviti maksiat dan pelacuran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menunjukkan sejumlah 7099 operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2009. Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 47,310 tangkapan telah dibuat. Tangkapan yang membabitkan kesalahan di bawah Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan tinggal lebih masa selepas visa atau pas tamat tempoh adalah sebanyak 8,655 manakala tangkapan di bawah Peraturan 39(B), Peraturan Imigresen 1963 iaitu bagi kesalahan penyalahgunaan pas adalah sebanyak 6,836.

Walau bagaimanapun, Kementerian tidak dapat memperincikan mengikut jenis pas yang dipegang oleh pesalah sama ada pas pelajar atau pas pelawat kerana statistik yang dikumpulkan adalah berdasarkan jenis kesalahan dan bukan jenis pas imigresen yang dipegang.

NO.AUM : 43

NO. AUP : >2

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

1
APRIL
2010

2559

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA SOALAN:

TARIKH Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]
RUJUKAN minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak
Kementerian sedar bahawa ada syarikat-syarikat besar di Sabah yang mengambil pekerja-pekerja asing di ladang-ladang mereka secara haram dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang menyedari bahawa terdapat syarikat-syarikat di Sabah, baik besar mahupun kecil yang menggaji pekerja asing yang tidak memiliki Pas imigresen yang sah di ladang-ladang mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian juga menyedari bahawa industri-industri di Sabah terutamanya sektor perladangan amat bergantung kepada pekerja asing, dan sebarang tindakan drastik mungkin melumpuhkan industri tersebut dan seterusnya ekonomi negeri Sabah.

Dengan demikian untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah telah dilaksanakan berikutan keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2008, di mana Program Pendaftaran PATI merupakan sebahagian dari Operasi berkenaan. Di bawah Program ini, majikan diberi peluang untuk mendaftar pekerja asing mereka yang tidak sah dengan membuat pembayaran levi dan lain-lain untuk mendapatkan Pas kerja yang akan menjadikan mereka sebagai pekerja sah. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan industri-industri di Sabah dari menghadapi masalah pekerja. Selepas tempoh Program Pendaftaran PATI ini tamat, operasi penguatkuasaan akan dilaksanakan untuk mendakwa majikan yang gagal mendaftar PATI yang bekerja dengan mereka.

NO. AUM : 51
NO. AUP : 2 V*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH 1 APRIL 2010

2429

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah
alasan penyelesaian kes pembunuhan Teoh Beng Hock dan Kugan
dilengah-lengahkan sedangkan rakyat mahu melihat penyelesaian
yang segera dan tepat terhadapnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebenarnya kes kematian Teoh Beng Hock, inkues sedang dijalankan dan tiada sebab bagi kerajaan untuk melengah-lengahkan kes ini kerana ianya mendapat perhatian umum dan perlu di segerakan.

Manakala kes pembunuhan Kugan pula, tertuduh telah pun didakwa di bawah Seksyen 330 Kanun Keseksaan dan Seksyen 331 Kanun Keseksaan. Kes ini sedang dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen (1) Petaling Jaya, Selangor.

01/04 2010 12:14 0388908501

Namun BAHAGIAN KORPORAT

begitu, #1608 P.003/022

pada tahun 2007, TNB telah menjelaskan bayaran interim sebanyak RM248,400.00 kepada MDHT bagi cukai taksiran SJ Kenyir untuk tempoh 1 Julai 2004 sehingga 28 Februari 2007 sementara menunggu keputusan mahkamah berhubung isu cukai taksiran SJ Kenyir.

AH: >6

V-
SJ.B/(80)

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

PERTANYAAN : LISAN
1.04.2010 50&UPVOO: 26
TARIKH

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan kepada negeri Pulau Pinang dari Bajet 2010 untuk menaik taraf dan menguruskan kawasan pelancongan di Batu Feringgi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan peruntukan secara terus kepada negeri Pulau Pinang dalam bajet 2010 untuk kerja-kerja menaik taraf dan menguruskan kawasan pelancongan di Batu Feringgi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan pada tahun 2010 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM17,299,371 untuk melaksanakan 8 projek pelancongan di

Pulau Pinang di mana sebanyak RM1,820,453 adalah untuk Projek Peningkatan Kawasan Tarikan Pelancongan Bagi Jajaran Pantai Batu Feringgi, Pulau Pinang.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan secara terus pemberian geran-geran tahunan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2009, sejumlah RM133,181,635 telah disalurkan dalam bentuk Pemberian dan sebahagian dari peruntukan tersebut boleh digunakan untuk membiayai kerja-kerja menaik taraf dan mengurus kawasan pelancongan di Batu Feringgi.

Soalan No: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
[SILAM - BN]
TARIKH : 1 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN NO. 27

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melahirkan belia yang berwawasan serta memajukan belia dan bidang sukan di kawasan Parlimen Silam.

TAWAPAN:

Bagi melahirkan belia yang berwawasan dan memajukan belia di kawasan Parlimen Silam, Sabah, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah dan pendekatan iaitu:

- (i) Mewujudkan Pejabat Belia dan Sukan (Persekutuan) Daerah Lahad Datu bagi melaksanakan perancangan program/aktiviti belia dan sukan di Parlimen Silam.
- (ii) Memperkasakan persatuan-persatuan belia melalui kursus pembangunan kepimpinan di semua peringkat.
- (iii) Mewujudkan 222 Kelab Rakan Muda di setiap kawasan Parlimen sebagai penggerak pembangunan remaja dan belia yang lebih menyeluruh.
- (iv) Kementerian turut mewujudkan Pusat Kegiatan Rakan Muda (PKRM) sebagai ruang untuk remaja melaksanakan pelbagai aktiviti Rakan Muda yang juga dikenali sebagai "one stop center".
- (v) Memperuntukkan 6 buah Gelanggang Sukan Pelbagai Guna di kawasan Parlimen Silam (3 telah siap; dan 3 dalam pembinaan). Kementerian juga telah meluluskan tambahan sebanyak 2 buah lagi gelanggang yang kini dalam perancangan.
- (vi) Selain itu, Kementerian turut merancang melaksanakan program sukan di peringkat negeri dan daerah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

[POKOK SENAI]

TARIKH

1 April 2010

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENAI] minta MENTERI

JAWAPAN

KERJA RAYA menyatakan adakah dasar pemberian 10 peratus kerja kepada kontraktor kelas F masih diteruskan dan nyatakan kaedah pemilihannya.

Tuan Yang Dipertua,

I

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mula memperkenalkan dasar pengagihan 10 peratus nilai kontrak oleh kontraktor kelas A kepada kontraktor Kelas F pada 26 Mac 2008 di mana semua projek RMKe-9 yang bernilai RM10 juta dan ke atas perlu diagihkan 10% daripada nilai kontrak kepada kontraktor kelas F. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan keupayaan, kualiti dan kapasiti kontraktor Kelas F melalui bimbingan dari kontraktor utama.

Berikutan banyak isu dan masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan dasar ini sebelum ini, maka ia ditangguhkan sementara waktu bagi kajian semula mekanisme pelaksanaan. Walau bagaimanapun, pada November 2009 lepas, saya²

mengumumkan bahawa Kementerian Kerja Raya meneruskan semula dasar ini dengan mengambil beberapa langkah penambahbaikan kepada mekanisme pelaksanaan termasuklah kaedah pemilihan kontraktor. Antara yang utama adalah dasar agihan ini diperluaskan kepada kontraktor Kelas E iaitu tidak dihadkan kepada kelas F semata-mata sebagaimana mekanisme asal, dan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek tidak terganggu, bilangan sub-kontraktor Kelas E dan F yang dilantik oleh kontraktor utama adalah bergantung kepada kesesuaian projek

yang ditentukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Oleh itu, skop kerja dan nilai kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor Kelas E dan F bagi sesuatu projek adalah dikenal pasti terlebih dahulu oleh JKR sebelum tender dipanggil dan skop kerja dan nilai kerja yang dikenal pasti ini dimasukkan di dalam kontrak sebagai item Wang Peruntukan Sementara (*WPS-Provisional Sum*).

Bagi memenuhi hasrat Kerajaan untuk memastikan akauntabiliti awam dan integriti dalam pelaksanaan perolehan kerja WPS, sebut harga adalah dipanggil secara terbuka atau terhad di kalangan sub- kontraktor E dan F yang layak. Selepas keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga, sub-kontraktor yang berjaya akan dilantik secara rasmi oleh kontraktor utama dan satu perjanjian sub- kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

SOALAN NOH-4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**

DARI PADA **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD**

[SIPITANG]

TARIKH **1 APRIL 2010**

SOALAN

Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **Menteri**

Kerja Raya menyatakan

- (a) status projek Lebuhraya Pan Borneo; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk melebarkan jalan satu lorong kepada dua lorong dari Sipitang-Beaufort-Papar.
- Tuan Yang Dipertua,

(A)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Raya Pan-

JAWAPAN

Borneo meliputi *First Trunk Road* Sarawak dari Sematan ke Miri sejauh 928km dan seterusnya dari Miri ke Sindumin di sempadan Sabah - Sarawak sejauh 152.4km. Semua Jalan Raya Pan Borneo di Sarawak telah diturap sepenuhnya.

Di Sabah pula, Jalan Raya Pan Borneo mengelilingi negeri Sabah bermula dari sempadan Sabah / Sarawak ke Kota Kinabalu dan Kudat; dan Kota Kinabalu - Sandakan - Lahad Datu - Tawau - Merotai - Kalabakan - Sapulut - Keningau - Kemanis dengan jumlah panjang 1008 km telahpun siap dibina. Walaubagaimanapun, bahagian dari Sapulut - Kalabakan belum berturap dan bahagian dari Kalabakan - Serudong pula masih belum dibina. Kementerian Kerja Raya telah memohon pelaksanaan penurapan Jalan Sapulut - Kalabakan dalam RMK-10 dengan keutamaan tinggi.

(B)

Mengenai pelebaran jalan di Sipitang - Beaufort - Papar pula, analisa trafik yang dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya mendapati bahawa jalan dari Kota Kinabalu ke Sipitang berada pada tahap perkhidmatan (*level of service*) kategori A iaitu trafik lancar (*free-flow traffic*). Oleh yang

demikian, tidak wujud keperluan untuk menaiktaraf jalan sediaada di Sipitang - Beaufort - Papar kepada dua lorong (*dual carriageway*) pada masa sekarang.

Walaupun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan keselesaan pengguna jalan ini, Kementerian Kerja Raya telah memohon dibawah RMK-10 untuk Menaiktaraf Jalan Raya Di Sepanjang Laluan Dari Miri Sarawak ke Kota Kinabalu, Sabah Merentasi Brunei Darussalam (Sindumin - Kota Kinabalu) dengan anggaran kos RM108 juta. Kerja-kerja menaiktaraf akan melibatkan penyediaan lorong memotong (*overtaking lane*) dan penurapan bahu jalan di beberapa bahagian jalan tersebut. Di samping itu, 5 buah jambatan sediaada di sepanjang jalan tersebut akan diganti.

Penaiktarafan jalan ini akan menambahbaik sistem pengangkutan hasil perindustrian dan pertanian dengan lebih efisien serta menghubungkan pekan diantaranya iaitu pekan Weston dan Mesapol. Selain itu, daerah Sipitang yang mempunyai sebuah kilang pemprosesan kertas (*paper pulp mill*) berharga RM1.3 bilion akan mendapat manfaat dari sistem pengangkutan yang lebih efisien setelah jalan ini dinaiktaraf kelak.

Nr3C)

SJ.B/(78)

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 01.04.2010 SOAUW NO: 30

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan prestasi syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan Diperibadikan (MOF Inc) dan penjelasan terperinci mengenai cadangan Kerajaan untuk mengurangkan pegangan dalam beberapa syarikat MOF Inc.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, prestasi syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah memberangsangkan. Rumusan ini adalah berdasarkan prestasi 34 buah syarikat di mana MKD memiliki pegangan majoriti yang menunjukkan seperti berikut:

- 19 daripada 34 buah syarikat telah mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 2008;
- jumlah pendapatan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM122.98 bilion iaitu peningkatan 13.5% atau RM14.59 bilion dari tahun 2007;
- jumlah keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM70.50 bilion berbanding hanya RM54.67 bilion bagi tahun 2007;
- jumlah pegangan aset syarikat telah meningkat daripada RM241.89 bilion pada tahun 2007 kepada RM270.78 bilion pada tahun 2008;
- jumlah liabiliti syarikat telah meningkat daripada RM110.79 bilion pada tahun 2007 kepada RM114.12 bilion pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, peratus peningkatan liabiliti hanyalah 3.0% berbanding peningkatan aset sebanyak 11.9%; dan
- pembayaran dividen bersih kepada Kerajaan pada tahun 2008 adalah RM30.13 bilion berbanding

RM25.13 bilion pada tahun 2007.

2. Kerajaan melalui Bajet 2010, telah mengumumkan akan mengurangkan secara beransur-ansur penglibatannya dalam aktiviti ekonomi yang bersaing dengan sektor swasta melalui penswastaan syarikat di bawah Kementerian Kewangan dan agensi Kerajaan yang berdaya maju. Matlamat langkah penswastaan ini bagi membolehkan syarikat dan agensi berkenaan beroperasi dengan lebih cekap.

3. Pada masa Ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian bagi mengenal pasti syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang berpotensi sama ada untuk diswastakan atau dilupuskan (*divest*) pegangan oleh Kerajaan. Penilaian ini juga adalah merupakan proses berterusan yang sentiasa dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan GLC mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan.

4. Kajian ini juga akan mengenal pasti kaedah penswastaan atau pelupusan (*divestment*) yang bersesuaian yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi mendapat nilai terbaik bagi setiap syarikat yang teriibat. Keputusan sama ada untuk melupuskan pegangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat berkenaan melalui kaedah penswastaan ataupun penjualan, adalah bergantung pada hasil kajian yang sedang dijalankan. Di antara faktor penting yang akan diambil kira adalah prestasi syarikat serta potensi masa depannya. Pengumuman lanjut mengenai inisiatif penswastaan ini akan dibuat setelah keputusan mengenainya diperoieh kelak.

Soaian No : 31

PEMBERHAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)
TARIKH	01.04.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memastikan bangunan sekolah selamat digunakan; dan
- (b) Langkah-langkah untuk mengatasi bangunan tidak selamat SJKC Kuo Kuang (1) Skudai di Parlimen Gelang Patah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kementerian sentiasa mengambil perhatian berat berkaitan keselamatan bangunan-bangunan sekolah di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam perancangan pembangunan RMKe-10, antara projek yang akan diberikan tumpuan oleh KPM termasuklah sekolah- sekolah daif, tidak selamat dan juga sekolah dalam kawasan banjir. KPM akan melakukan auditan menyeluruh mengenai keperluan sekolah- sekolah terutama di luar bandar dan pendalaman akan dilaksanakan untuk mengetahui status sekolah- sekolah tersebut dan seterusnya menentukan tindakan-tindakan jangka pendek dan sederhana bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berkenaan.

- (b) Siasatan sedang dijalankan oleh Task Force Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai keretakan pada lantai bilik darjah SJKC Kuo Kuang (1), Skudai, Johor dan laporan bertulis belum lagi diterima setakat ini. Di samping itu, KPM melalui Jabatan Pelajaran Negeri Johor mencadangkan agar pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) memohon peruntukan Bantuan Modal memandangkan SJKC Kuo Kuang (1) adalah Sekolah Bantuan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT	
PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
TARIKH	1 APRIL 2010 (KHAMIS)
SOALAN	NO.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mewujudkan kebebasan akademik dan autonomi seperti yang dicadangkan oleh UNESCO.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sedang dalam usaha memberikan autonomi secara berperingkat mengikut tahap kesediaan IPTA. Di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), autonomi merupakan salah satu agenda kritikal yang bertujuan untuk memperkasakan IPTA agar setaraf dengan universiti bertaraf dunia. Secara prinsipnya, tadbir urus terbaik di dalam universiti mampu menjadikan IPTA lebih berdaya saing dan meningkatkan kreativiti serta kebertanggungjawaban dalam pengurusan.

Di antara strategi yang digariskan dalam projek kritikal agenda bagi autonomi ialah:

- i. pemberian autonomi perundangan dan tadbir urus berdasarkan pindaan AUKU (2009) dengan membangunkan indeks tadbir urus yang baik (*good governance index*);
- ii. pemberian autonomi penjana pendapatan bagi meningkatkan keupayaan IPTA menjana pendapatan dalaman dengan memohon pengecualian kepada agensi pusat yang berkaitan terhadap pemakaian pekeliling/peraturan yang boleh menghalang dan menyekat IPTA daripada menjana pendapatan dalaman;
- iii. pemberian autonomi kepada IPTA dalam pengurusan program /kursus baru (akademik) melalui pindaan AUKU (2009) yang telah memperuntukkan fungsi dan kuasa baru kepada Senat;
- iv. pemberian autonomi kewangan dengan pemantapan sistem kawalan dalaman kewangan di IPTA melalui pelaksanaan *one line budget* dan peningkatan had pembelian terus serta perolehan tender terbuka; dan
- v. pemberian autonomi dalam pengurusan sumber manusia;

33

NO. SOALAN;^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]
TARIKH 1 APRIL 2010
SOALAN

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan sedar akan kebimbangan di kalangan kakitangan Kerajaan yang lambat malah tidak mendapat kenaikan pangkat kerana kebanyakan jawatan-jawatan utama disambungkan oleh orang yang sama.

JAWAPAN Y.B. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

'\
Kerajaan menyedari akan wujudnya kebimbangan mengenai peluang kenaikan pangkat berikutan penyambungan perkhidmatan beberapa pegawai kanan di peringkat Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Walau bagaimanapun, biiangan sebenar pegawai yang disambung perkhidmatan

melalui pelantikan (*contract of service*) adalah terlalu kecil serta dilihat tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai lain.

Pelantikan semula pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang sudah bersara adalah berdasarkan kepada kepentingan perkhidmatan, kepakaran dan pengalaman pegawai yang masih diperlukan oleh negara atau agensi untuk tempoh jangka pendek. Pelanjutan perkhidmatan pegawai-pegawai kanan Kerajaan ini juga adalah untuk memberi ruang dan peluang serta menjadi platform kepada penjawat awam yang lain untuk mempelajari dan mendapat bimbingan serta menimba pengalaman sebaik mungkin dari penyandang sedia ada. Ini adalah bagi membolehkan peralihan pucuk pimpinan jawatan pengurusan tertinggi Kerajaan dapat dilakukan dengan sebaik dan selicin

S3
NO. SOALANiJT

mungkin serta dapat memastikan kesinambungan pelaksanaan tugas dan kejituan penyampaian sistem perkhidmatan awam dapat diteruskan dengan jayanya.

Sekian. Terima kasih.

A\$/:2c f_

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN

PERTANYAAN :

RAKYAT MALAYSIA JAWAB

DARI PADA

LISAN

TARIKH SOALAN

YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [
KUALA KRAI]

[34]

1 APRIL 2010

YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] minta
MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan punca sebenar Kerajaan memanggil
balik Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa
Bersatu di Vienna dan menamatkan
perkhidmatan beliau ekoran tindakan beliau
semasa pengundian resolusi mengecam Iran atas

isu nuklear.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : **SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
apakah sebab Duta Mohd Arshad Manzoor
DARIPADA Hussain dipecat sebagai Wakil Tetap Malaysia ke
Bangsa-bangsa Bersatu di Vienna walaupun
tindakan beliau adalah selaras dengan prinsip-
TARIKH prinsip Gerakan Negara-negara Berkecuali.

SOALAN
JAWAB LISAN

YB TUAN
SIVARASA A/L
K.RASIAH
[SUBANG]

29 MAC 2010

YB TUAN

ANYAAN : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

DARIPADA

TARIKH SOALAN

DEWAN RAKYAT

MALAYSIA

JAWAB LISAN

YB TUAN CHUA

TIAN

CHANG [

BATU]

31 MAC 2010

(a) apakah punca Wisma Putra memanggil balik Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Arshad Manzoor Hussain berhubung pengundian pada mesyuarat IAEA di Vienna pada 27 November; dan

(b) apakah rujukan atau arahan Wisma Putra sebelum pengundian tersebut serta apakah pendirian Malaysia dalam IAEA.

PERT
ANYA
AN: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN A

DARIPADA KYAT MALAYSIA JAWAB

TARIKH LISAN

SOALAN YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

D 5 APRIL 2010

E YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]
W minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
A sebab mengapa wakil tetap Malaysia ke
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna,
Austria dipanggil pulang dan kontrak beliau tidak
dilanjutkan.

N

R

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Subang bertarikh 29 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Batu bertarikh 31 Mac 2010, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Rembau bertarikh 5 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

2. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan pengundian Malaysia ke atas satu resolusi yang dibentangkan oleh negara Jerman di Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa *atau dengan izin, International Atomic Energy Agency, (IAEA)* yang diadakan pada 27 November 2009 di Vienna, Austria.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Resolusi tersebut pada keseluruhannya mengecam Iran kerana tidak telus dalam soal pembangunan tenaga nuklearnya dan menyeru Iran supaya memberikan kerjasama penuh kepada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi menentukan supaya Agensi tersebut dapat mengesahkan bahawa program nuklear Iran adalah untuk tujuan aman, iaitu selaras dengan obligasi Iran kepada masyarakat antarabangsa.

4. Seperti yang diketahui umum, selain dari Cuba dan Venezuela, Malaysia merupakan antara 3 buah negara yang mengundi menentang resolusi tersebut, 25 negara menyokong dan 6 lagi berkecuali.

Kebanyakan negara-negara membangun termasuk dari kalangan anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telah mengundi menyokong ataupun berkecuali terhadap resolusi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam soal pengundian terhadap resolusi yang penting di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, semua wakil-wakil Malaysia di luar negara perlu mendapatkan kelulusan daripada pegawai atasan Kementerian Luar Negeri dan **[Yang Berhormat]** Menteri Luar Negeri sendiri. Tertakluk kepada kepentingan Negara, Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada pendirian kumpulan yang diambil oleh negara-negara membangun termasuk Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). Dalam hal ini, Perwakilan Malaysia di Vienna telah mengundi untuk menentang resolusi ini walaupun pada ketika itu telah jelas bahawa Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) tidak sepakat dalam pendiriannya terhadap resolusi tersebut.

6. Dalam hubungan ini, Perwakilan Malaysia di Vienna tidak mendapatkan kelulusan **[Yang Berhormat]** Menteri Luar Negeri untuk mengundi menentang resolusi tersebut walaupun Pergerakan Negara-Negara Berkecuali tidak mempunyai pendirian kumpulan. Dengan demikian, Dato' Arshad telah dipanggil pulang untuk memberi penjelasan terhadap pendirian yang telah dibuat oleh beliau atas resolusi tersebut kepada pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dan juga **[Yang Berhormat]** Menteri Luar Negeri.
Tuan Yang di-Pertua,

7. Saya ingin menjelaskan bahawa Dato' Arshad tidak dipecat seperti

yang ditakrifkan oleh Yang Berhormat Subang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Dato' Arshad telah bersara wajib pada tahun 2007. Atas budi bicara Kerajaan, perkhidmatan beliau telah dilanjutkan secara kontrak tahunan sebanyak 3 kali. Secara kebetulan, kontrak beliau dengan Kerajaan tamat pada 11 Mac 2010.

Sekian, terima kasih.

Soalan NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	1 APRIL 2010 (KHAMIS)
SOALAN	NO. 35

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Kerajaan telah pun memperkenalkan satu pakej kepada pengguna individu yang penggunaan elektrik bulanannya di bawah RM20 yang diberikan percuma. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pakej-pakej diskaun bulanan atau tahunan kepada pengguna individu yang banyak menggunakan elektrik seperti diskaun yang diberikan kepada pengguna tol di lebuh raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,
Kerajaan telah membuat keputusan untuk meneruskan pengecualian kepada pengguna - pengguna domestik daripada membayar bil elektrik bulanannya sebanyak RM20.00 dan ke bawah sehingga Disember 2010. Program pemberian rebet RM20.00 ini telah bermula semenjak 1 Oktober 2008. Pengecualian ini diberikan untuk meringankan beban kewangan pengguna khususnya golongan berpendapatan rendah.

Berhubung cadangan pakej diskaun bulanan atau tahunan, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan pakej-pakej seumpamanya kepada individu yang banyak menggunakan elektrik. Adalah dikhuatiri bahawa dengan pemberian pakej-pakej diskaun, ianya akan menggalakkan pembaziran elektrik atau tenaga di kalangan pengguna. Sebenarnya, dasar Kerajaan ialah supaya semua pengguna perlu menggunakan elektrik dengan lebih cekap dan tidak membazir. Langkah ini bukan sahaja dapat mengurangkan bil elektrik para pengguna malah dapat membantu negara dalam mengurangkan pembaziran sumber tenaga

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERT AM A, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)

TARIKH : 1 April 2010

SOALAN

Y.B. Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah) minta PEDANA MENTERI menyatakan:

- (a) berapakah kes penggunaan logo halal palsu yang dikesan sepanjang tahun lalu; dan
- (b) tindakan yang dikenakan bagi syarikat yang didapati mengulangi kesalahan yang sama

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Sesungguhnya Kerajaan menyedari wujudnya penggunaan logo halal palsu dalam pasaran di negara ini. Sehubungan itu pemantauan dan penguatkuasaan di jalankan bersama dengan pihak Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi(KPDNKK). Sepanjang tahun 2009, sebanyak 26 kes telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, 12 kes telah berjaya diselesaikan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan ke atas syarikat atau pihak yang menggunakan logo halal palsu adalah di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972. Bagi syarikat yang mengulangi kesalahan yang sama atau kesalahan kedua, KPDNKK telah menyita dan

menawarkan kompaun kepada syarikat terbabit. Sepanjang tahun 2009 terdapat 1 kes ulangan bagi kesalahan menggunakan logo halal palsu. Dalam masa yang sama syarikat-syarikat swasta yang mengeluarkan sijil halal selama ini telah dipanggil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan mereka bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan sijil halal serta syarikat-syarikat ini akan menjadi konsultan dalam industri halal.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD
[MUKAH]
TARIKH 1 APRIL 2010
SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah hospital baru di Mukah akan dilaksanakan dan berapa perbelanjaan dijangkakan kerana tapak tanah telah pun sedia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang mengkaji dan mempertimbangkan cadangan hospital baru ini dengan sewajarnya. Pihak kementerian terpaksa menolak tapak tanah sedia ada setelah meneliti laporan teknikal yang dikemukakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR) bahawa tanah tersebut tidak sesuai kerana tanahnya rendah yang melibatkan kos pembangunan tanah dan rawatan yang tinggi mencecah RM 19 juta. Sehubungan dengan

|

itu, tapak baru akan dikenalpasti. Buat sementara waktu perkhidmatan rawatan kesihatan akan di berikan di hospital sedia

ada.

{

NO. AUM : 38

NO.AUP :

3><P

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

DARIPADA

1 APRIL 2010

TARIKH

2427

RUJUKAN

SOALAN:
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kementerian memberi arahan kepada PDRM Selangor untuk merosakkan pentas yang dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor di Batu Caves demi program sambutan Thaipusam. Apakah sebab tindakan PDRM tersebut dan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas pegawai polis yang merosakkan keamanan dan atmosfera Thaipusam tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN
Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan pihak polis merosakkan pentas yang dibina sewaktu acara sambutan Thaipusam di Batu Caves adalah tidak benar. Ini kerana tindakan memindahkan pentas tersebut ke lokasi yang lain adalah dilakukan oleh pihak penganjur sendiri tanpa campur tangan pihak polis. Pada peringkat awal, lokasi asal pentas tersebut dibina adalah terletak di laluan keluar masuk utama ke kuil tersebut. Pihak polis berpandangan bahawa lokasi tersebut adalah tidak sesuai kerana boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas di samping menghalang laluan sekiranya berlaku kecemasan. Justeru itu, pihak penganjur telah dinasihatkan supaya memindahkan pentas tersebut ke lokasi baru yang lebih sesuai dan selamat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI
TARIKH JAWAPAN	SHUKRI [BATANG SADONG]
DI DEWAN RAKYAT	1 APRIL 2010 (KHAMIS)
SOALAN	NO. 39

SOALAN

minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah inisiatif Kementerian membantu komuniti keseluruhannya untuk mendapat kesedaran berkenaan teknologi hijau terutama sekali di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran awam secara keseluruhan terhadap kepentingan teknologi hijau, Kerajaan telah merangka beberapa program khas bagi mempromosikan penggunaan teknologi hijau yang antara lain termasuk:-

- i) Menstruktur semula Pusat Tenaga Malaysia kepada Pusat Teknologi Hijau Negara yang bertanggungjawab sebagai *focal point* bagi menyediakan pelan tindakan pembangunan teknologi hijau, menetapkan piawaian dan mempromosikan penggunaan teknologi hijau;

- ii) Menganjurkan pameran dan persidangan antarabangsa teknologi hijau yang dikenali sebagai “International GreenTech Exhibition & Eco- Products & Conference Malaysia” atau singkatannya IGEM 2010 daripada 14 hingga 17 Oktober 2010 yang dijangka akan menarik banyak syarikat terkemuka dunia dan pakar dalam teknologi hijau;
- iii) Menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai perintis kepada projek perbandaran hijau; dan
- iv) Memperkenalkan standard produk teknologi hijau dalam perolehan kerajaan.

Pada tahun ini juga, Kementerian saya giat menjalankan program promosi dan kempen kesedaran awam seperti program penerapan budaya hidup hijau di kalangan pelajar sekolah dan universiti. Kementerian saya juga akan menjalankan promosi melalui media massa dengan menyiarkan iklan dan dokumentari mengenai teknologi hijau serta promosi secara atas talian (*online*). Usaha-usaha promosi melalui media massa ini akan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan di samping mengambil bahagian melalui gerai pameran di beberapa persidangan, seminar dan sebagainya. Pada masa yang sama, Kementerian akan melakukan *roadshow* (dengan izin) dan membuka gerai-gerai pameran di karnival-karnival yang dikunjungi oleh orang ramai sebagai contoh di Karnival Jom Heboh anjuran pihak Media Prima.

Diharapkan mesej daripada semua program promosi dan kempen kesedaran awam yang dijalankan ini dapat sampai kepada golongan sasaran termasuklah

masyarakat di luar bandar. Ini bertepatan dengan matlamat jangka pendek Dasar Teknologi Hijau Negara iaitu memastikan kesedaran masyarakat lebih tinggi melalui pelaksanaan program-program sokongan dan komitmen dan akhirnya dalam jangka masa panjang, teknologi hijau dapat diterima dan diterapkan dalam budaya hidup rakyat Malaysia.

SJ.B/(82)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN: **LISAN**

TARIKH **01.04.2010** **SCAUWNo:^**

Tuan Mohd Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti petroleum yang sepatutnya dibayar oleh **PETRONAS** kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2008 (semasa Dato' Idris Jusoh menjadi Menteri Besar) dan dari tahun 2008 hingga Mac 2010 (semasa Dato' Ahmad Said) dan berapakah jumlah sebenar yang telah dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam tempoh-tempoh masa tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan antara Kerajaan Negeri Terengganu, PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan bagi penyerahan Dana Khas kepada Kerajaan Negeri Terengganu masih diteruskan. Apabila Perjanjian Penyelesaian (*Settlement*

|
Agreement) dipersetujui dan ditandatangani, barulah Dana Khas ini dibayar terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi jumlah dana terdahulu yang masih disimpan oleh Kerajaan Persekutuan, ia akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu setelah mengambil kira semua obligasi termasuk baki kos projek yang sedang dilaksanakan di Terengganu.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Dana Khas yang dibayar oleh PETRONAS dari tahun 2000 hingga Mac 2010 adalah sebanyak RM17,706,666,572. Daripada jumlah tersebut, RM6,478,300,000 telah dibayar secara tunai kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi membiayai keperluan Bajet Mengurus dan Pembangunan. Manakala sebanyak RM1,280,377,081 disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di luar peruntukan bajet negeri. Dari segi agihan mengikut tempoh, sebanyak RM5,805,977,081 diagihkan dalam tempoh dari 2004 hingga Mac 2008 dan RM1,952,700,000 diagihkan dalam tempoh dari April 2008 hingga 2010 kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tunai. Sebanyak RM7,721,177,064 pula disalurkan dalam bentuk projek/program yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi persekutuan termasuk Syarikat Perumahan Negara Berhad di Negeri Terengganu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISANDEWAN RAKYAT MALAYSIA BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN	YB DATUK NUR JAZLAN BIN
DARIPADA	MOHAMED [PULAI]
TARIKH	1 APRIL 2010
SOALAN [41]	:YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan status hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat yang sekarang dipimpin oleh Presiden Obama yang menunjukkan kesungguhan menyelesaikan masalah Palestin dan mendekati masyarakat Islam sedunia. Adakah Malaysia bercadang untuk memainkan peranan sebagai fasilitator hubungan ini dengan menjemput Presiden Obama untuk melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara keseluruhan, hubungan dua-hala Malaysia dan Amerika Syarikat dibawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib dan Presiden Obama semakin bertambah baik. Hubungan kukuh yang dijalin oleh Malaysia dengan Amerika Syarikat mendatangkan banyak manfaat kepada Malaysia. Dalam hubungan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memanjangkan jemputan kepada Presiden Obama untuk melawat Malaysia pada masa akan datang bagi mempertingkatkan lagi hubungan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berkenaan dengan permasalahan Palestin, Kerajaan Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam menyuarakan kepentingan dan hak rakyat Palestin di pelbagai forum antarabangsa seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Meskipun begitu, Malaysia tidak dapat melibatkan diri secara langsung dalam proses rundingan damai antara Israel dan Palestin. Ini adalah kerana pihak bertikai memilih Kumpulan Kuartet Timur Tengah yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Rusia, Kesatuan Eropah (EU) dan PBB melalui Pelan Damai Kuartet (*Road Map for Peace*). Pada masa

yang sama, Liga Arab turut mencari jalan penyelesaian bagi konflik Israel-Palestin melalui Inisiatif Damai Arab. Kita harus akui peranan dan pengaruh besar Amerika Syarikat dalam keupayaannya membawa penyelesaian damai konflik di Timur Tengah.

4. Oleh yang demikian, Malaysia akan terus memberi sokongan kepada pendekatan-pendekatan yang diambil oleh masyarakat antarabangsa termasuk Amerika Syarikat. Malaysia juga akan terus mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua negara dan ketua-ketua kerajaan semasa pertemuan dua-hala diadakan dari masa ke semasa, termasuk dengan Presiden Obama.

5. Bagi hubungan Amerika Syarikat dan masyarakat Islam, Presiden Obama dalam ucapan-ucapannya selepas mengangkat sumpah jawatan Presiden Amerika Syarikat pada Januari 2009 dan di Universiti Kaherah, Mesir pada Jun 2009, telah menyatakan bahawa beliau menginginkan satu permulaan baru dan memperbaiki hubungan itu berdasarkan kepentingan bersama dan saling hormat-menghormati. Malaysia melihat kenyataan Presiden Obama itu sebagai tanda muhibah kepada umat Islam di serata dunia dan berharap kenyataan positif itu diiringi dengan perubahan dalam dasar Amerika terhadap dunia Islam.
Tuan Yang di-Pertua,

6. Pada 13 Februari 2010, Presiden Obama telah mengumumkan perlantikan Encik Rashad Hussain sebagai Utusan Khas Amerika Syarikat ke OIC bagi memperkukuh kerjasama Amerika Syarikat dengan dunia Islam. Sementara itu, Dr. Elias Zerhouni, Utusan Khas Amerika Syarikat berkenaan dengan hal

ehwal sains dan teknologi, telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat OIC pada 20 Februari 2010 untuk mengadakan rundingan berkenaan dengan kerjasama di antara Amerika Syarikat dan OIC dalam lapangan sains dan teknologi.

7. Lantaran, Malaysia menyambut baik pelantikan Utusan Khas ini dan menyokong usaha yang dilakukan oleh pentadbiran Presiden Obama untuk menggalakkan persefahaman bersama dan kerjasama antara dunia Islam dan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH

TARIKH : 1 APRIL 2010

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes yang disiasat yang melibatkan orang-orang kenamaan yang hidup melebihi keupayaan mereka oleh SPRM sejak ianya ditubuhkan dalam 2009. Nyatakan bilangan kes yang didaftar di mahkamah.

JAWAPAN DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Sejak SPRM mula beroperasi pada 1 Januari 2009 sehingga 15 Mac 2010, terdapat 4 kes orang kenamaan yang telah diberi notis di bawah Seksyen 36 Akta SPRM 2009 untuk mengisytiharkan harta-harta mereka merangkumi harta alih dan harta tak alih. Siasatan kes-kes tersebut masih dijalankan dan setakatnya ini masih belum ada pendakwaan dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK TIONG THAI KING
[LANANG]
TARIKH 1 APRIL 2010
SOALAN**

Datuk Tiong Thai King (Lanang) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) bilangan kes keracunan makanan yang berlaku di negeri Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia pada tahun 2008 dan 2009; dan
 - (b) bilangan orang yang meninggal dunia akibat daripada keracunan makanan
-)

SOALAN NO : 43

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2008, sebanyak 420 episod keracunan makanan melibatkan 17,322 kes telah dilaporkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 357 episod (85%) dengan 14,696 kes dilaporkan berlaku di Semenanjung Malaysia, 47 eposid (11%) dengan 1,751 kes di laporkan Sabah dan 16 episod (4%) dengan 875 kes dilaporkan berlaku di Sarawak. Manakala pada tahun 2009, episod kejadian telah berkurangan kepada 303 episod dengan 10,238 kes (pengurangan 28%) di mana 238 episod (79%) dengan 8,492 kes dilaporkan berlaku di Semenanjung Malaysia, 34 episod (11%) dengan 503 kes di Sabah dan 31 episod (10%) melibatkan 1,243 kes berlaku di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 5 kematian disebabkan keracunan makanan dilaporkan iaitu, 3 pada tahun 2008 dan 2 pada tahun 2009. Tiga (3) kes kematian pada tahun 2008, yang berlaku di Johor di mana 2 kematian disebabkan memakan ikan buntal dan 1 kematian seorang kanak-kanak orang asli yang memakan katak beracun. Dua (2) kematian pada tahun 2009 di sebabkan memakan ikan buntal juga dan berlaku di Terengganu dan Sarawak.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN HAJI NASHARUDDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH 1 APRIL 2010

SOALAN :

TUAN HAJI NASHARUDDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Akta Guaman Syarie akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha ke arah mewujudkan undang-undang yang khusus berhubung dengan profesyen Guaman Syarie sememangnya mendapat perhatian dan menjadi salah

satu agenda Kerajaan bagi memartabatkan kedudukan Mahkamah Syariah dalam arus sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia.

Pada masa ini, Rang Undang-Undang Profesyen Guaman Syarie sedang digubal dan masih dalam penelitian Jabatan Kemajuan Islam

SOALAN NO: 84

Malaysia dan Jabatan Peguam Negara. Pihak Berkuasa Negeri akan diminta pandangan dan persetujuan sebelum ia dibentang di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]**

TARIKH 1 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sejauh manakah kefahaman rakyat terhadap maksud gagasan 1 Malaysia dan nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap gagasan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Kesedaran dan Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep
1Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian pada Oktober 2009 dengan
sampei kajian seramai 12,212 orang responden. Sebanyak 82%

daripada responden didapati tahu dan sedar mengenai konsep 1 Malaysia.

Manakala mengenai soalan kefahaman konsep 1 Malaysia sebanyak 10,000 responden telah memberikan respon. Didapati sebanyak 70% daripada responden tersebut memahami mengenai konsep ini.

Kerajaan juga telah menjalankan kajian menerusi SMS mulai 4 hingga 11 Januari 2010. Terdapat 69% (71,696 responden) sedar mengenai konsep 1 Malaysia. Walau bagaimanapun, 31% (32,063 responden) memahami konsep tersebut

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian akan terus menerajui program penjelasan termasuk program jelajah gagasan 1 Malaysia secara bersepadu kepada rakyat dengan melibatkan kepimpinan tertinggi peringkat negeri dan daerah. Di samping itu, penjelasan gagasan 1 Malaysia akan disampaikan melalui pelbagai program seperti program merakyatkan seni dan budaya, aktiviti komunikasi bersemuka dan liputan melalui media massa dan media baru.

Sebagai usaha untuk terus menilai tahap kefahaman rakyat terhadap Gagasan 1 Malaysia, Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya akan melaksanakan satu lagi siri kajian untuk mengukur tahap kefahaman Gagasan 1 Malaysia pada bulan Julai 2010.

SJ.B/(83)

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG (WANGS
AM AJU)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 01.04.2010 5GALAW 4(>

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti tentang laporan oleh sekumpulan minoriti pemilik saham UNICO HOLDING BHD terhadap Lembaga Pengarah Syarikat (UHB) yang gagal mematuhi peraturan Suruhanjaya berhubung dengan sebidang tanah di Sabah dan tindakan mereka mendapatkan pinjaman secara sah di sisi undang-undang sebanyak RM21 juta daripada UHB untuk membeli saham Syarikat Good Honest International Ltd (di negeri China) yang mana sahamnya tidak diterbitkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah meneliti kedua-dua isu-isu di atas dan mendapati ianya tidak mendedahkan sebarang percanggahan dari segi undang-undang

sekuriti. Meskipun isu-isu yang dibangkitkan oleh pengadu tidak mendedahkan salah laku di bawah bidang kuasa pihak SC, namun ia mendedahkan isu di bawah Akta Syarikat 1965, oleh itu Kementerian Kewangan telah merujuk perkara tersebut kepada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2. Isu-isu yang diterima dan sedang disiasat oleh SSM adalah seperti berikut:

- (a) Pelupusan saham UHB dalam syarikat UNICO DESA PLANTATIONS BERHAD (UDP) di antara tempoh 2001 hingga 2002 sehingga mengurangkan nilai (dilute) pegangan saham UHB di dalam UDP daripada 42.15% kepada 28.99%. Siasatan yang dijalankan oleh SSM mendapati bahawa tiada bukti bagi menyokong dakwaan bahawa pengarah-pengarah syarikat UHB menerima sebarang keuntungan daripada pelupusan saham terbabit dan berpandangan bahawa pelupusan tersebut cumalah suatu keputusan komersil atau perniagaan. Bagaimanapun SSM sedang menyiasat aduan dari sudut sama ada wujud kegagalan pihak-pihak terbabit membuat pendedahan kepada pihak berwajib atau syarikat mengenai perubahan pegangan substansial seperti yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965.
- (b) Cadangan penurunan modal (*capital reduction*) UHB melalui pembayaran semula kepada pemegang saham 256 juta

saham biasa berharga RM0.25 setiap satu di dalam UDP pada kiraan 2,560 saham UDP bagi setiap 1,000 saham UHB yang dipegang oleh pemegang saham. SSM telah menjalankan pemeriksaan termasuk mendapatkan maklum balas daripada setiausaha syarikat UHB dan mendapati bahawa cadangan penurunan modal tersebut belum disempumakan dan perlu mendapat kelulusan mahkamah menurut kehendak seksyen 64 Akta Syarikat 1965.

- (c) Bantuan kewangan kepada seorang pengarah bagi tujuan pelaburan di China. Bantuan kewangan ini kononnya diberikan oleh syarikat Shanghai Orchid Garden Property Development Co. Ltd. yang merupakan anak syarikat luar negara UHB. SSM sedang menjalankan penelitian lanjut terhadap perkara ini memandangkan ia melibatkan isu perundangan yang agak rumit dan pada masa material pengarah terbabit tidak lagi disenaraikan sebagai pengarah di syarikat tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO'HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH 1 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana Kerajaan hendak melaksanakan Model Ekonomi Baru di kalangan masyarakat petani, pekebun kecil, nelayan dan lain-lain di

kawasan Parlimen Pasir Salak khasnya dan masyarakat luar bandar di seluruh negara amnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman yang berhormat, pelaksanaan Model Ekonomi baru yang mengutamakan konsep mengambil kira kepentingan semua golongan "*inclusiveness*" dijangka akan memberi faedah kepada masyarakat petani, pekebun kecil dan nelayan khususnya di Pasir Salak. Di antara faedah-faedah tersebut termasuklah penyediaan program khidmat pengembangan yang terbaik yang diasaskan kepada tadbir urus yang baik dan program seperti ini akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka. Selain daripada itu, keluaran hasil pertanian adalah berasaskan kepada orientasi pasaran. Langkah ini akan memastikan keluaran mereka dapat dipasarkan dengan baik pada harga yang berpatutan. Aspek keusahawanan akan juga diberi fokus dalam Model Ekonomi Baru di mana lebih ramai lagi usahawan tani yang berketerampilan akan diwujudkan dan mereka boleh menerajui pelbagai usaha tani diperingkat hulu, hiliran dan pasaran. Model Ekonomi Baru juga akan menggalakkan lagi proses inovasi dalam bidang pertanian dan ini akan menjadikan petani lebih inovatif dan seterusnya ini dapat membantu mereka dalam menyelesaikan pelbagai masalah pertanian di kawasan Pasir Salak. Selain daripada itu, pembangunan pertanian di Pasir Salak akan dilaksanakan

berasaskan pengetahuan di mana segala kebolehan petani akan digembleng melalui latihan dan kursus-kursus terutamanya dalam aspek pengurusan ladang yang lebih berkesan bagi memastikan pulangan yang lebih tinggi. Pendekatan ini juga akan menggalakkan petani mendapatkan pengetahuan baru dan melakukan transformasi dalam semua aktiviti pertanian dan bergerak ke arah pemodenan supaya produktiviti di sepanjang rantai nilai dalam sektor pertanian dapat dipertingkatkan.

SOALAN NO: 93

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN:

DARIPADA	LISAN
TARIKH	YB TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
RUJUKAN	KHAMIS, 1 APRIL 2010
SOALAN	07 [PR-1231-L36595]

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan bandar raya maju seluruh dunia kebanyakannya telah melalui proses pembersihan sungai sekali gus menaikkan nilai hartanah di sepanjang sungai sekaligus menaikkan taraf hidup warga kota. Namun, segala usaha membersihkan Sungai Klang di Kuala Lumpur masih belum membuahkan hasil. Adakah Kuala Lumpur mempunyai rancangan membangunkan Sungai Klang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Tun Razak, Sungai Klang adalah salah satu sungai utama yang mengalir melalui Kuala Lumpur. Sungai Klang yang terletak di kawasan Kuala Lumpur adalah sepanjang 16 kilometer. Fungsi utama Sungai Klang pada masa ini adalah untuk tebatan banjir.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berperanan untuk menyelaraskan Program Pembangunan dan Pemuliharaan Sungai Klang. Pendekatan holistik digunakan untuk membangun dan memulihkan Sungai Klang. Justeru, beberapa strategi telah digariskan di dalam Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL 2020) bagi pembangunan mampan di sepanjang rezab dan koridor Sungai Klang.

Strategi yang telah dilaksanakan adalah mengawal pembangunan sepanjang rezab sungai dengan mengenal pasti koridor tepi sungai di mana pembangunan boleh dilaksanakan dengan mengambil kira sensitiviti sungai, memindahkan aktiviti- aktiviti perindustrian di sepanjang rezab sungai dan juga mengawal guna tanah dan segala aktiviti yang terletak di kawasan koridor tepi sungai untuk mengurangkan aktiviti yang menjadi punca pencemaran sungai. Ini kerana meningkatkan

kualiti air sungai adalah penting bagi menjayakan program pembangunan dan pemulihan sungai.

Kualiti alam bina dan ruang awam disepanjang sungai juga merupakan penyumbang utama kepada imej Kuala Lumpur. Justeru, untuk menambah baik persekitaran dan koridor sungai, langkah-langkah kawalan melalui kawalan pembangunan telah dilaksanakan bagi mencapai pembinaan bangunan berkualiti tinggi serta pemulihan tebing di sepanjang koridor sungai. Ini termasuk mengambil kira reka bentuk bandar, penyediaan kemudahan dan ruang awam di sepanjang sungai serta rangkaian pejalan kaki dan pengindahan sungai. Disamping itu, program meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sungai turut dilaksanakan.

Pelaksanaan pembangunan dan pemulihan Sungai Klang dijangka mengambil tempoh yang panjang dan menelan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, pembiayaan ini boleh ditampung oleh pihak swasta dengan menggunakan Private Fund Initiative (PFI). Oleh itu, bagi merealisasikan kejayaan strategi-strategi yang telah digariskan tersebut, pelbagai agensi berkaitan seperti Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak swasta lain akan bekerjasama dan terlibat secara langsung dalam membantu pelaksanaan Program Pembangunan dan Pemulihan Sungai Klang.

NO.AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT NO. AUM : 51

PERTANYAAN :

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]

TARIKH 1 APRIL 2010

RUJUKAN LISAN

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin ²⁴²⁸ Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kes-kes jenayah yang
melibatkan masyarakat asing di negara ini sepanjang tahun 2005-2009
dan apakah jenis jenayah yang melibatkan golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Jerantut yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, mengikut Statistik Jenayah Indeks yang melibatkan warga asing sepanjang lima (5) tahun iaitu dari 2005 hingga 2009, di dapati jumlah jenayah yang dilakukan oleh warga asing berbanding dengan keseluruhan jenayah yang dilaporkan bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut

BIL	TAHUN	KES MELIBATKAN WARGA ASING	KESELURUHAN KES JENAYAH	PERATUS (%)
1.	2005	3,108	157,365	1.98
2.	2006	3,495	186,453	1.87
3.	2007	3,643	209,559	1.74
4.	2008	4,882	211,645	2.31
5.	2009	3,060	209,417	1.46

Daripada statistik ini, secara purata jumlah jenayah yang melibatkan warga asing bagi tempoh lima (5) tahun ini adalah sebanyak 1.87% sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Warga asing yang melakukan jenayah di negara ini mereka melakukan banyak kes-kes jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenis-jenis jenayah kekerasan adalah seperti bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata, samun berkawan tanpa senjata, samun bersenjata, samun tanpa senjata dan mendatangkan cedera (seksen 324-326 kanun keseksaan). Manakala jenis-jenis jenayah harta benda adalah seperti curi, curi lori/ van/ jentera berat, curi motokar, curi motorsikal, curi ragut, pecah rumah siang dan pecah rumah malam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANOGARAN *A/L* MARIMUTHU

TARIKH : 1 APRIL 2010

SOALAN :

Tuan Manogaran *a/l* Marimuthu [Telok Intan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

NO SOALAN:

- (a) kenyataan akhbar pada 11 Februari 2010 (*The Sun*) mengejutkan negara dengan menyatakan berjuta-juta nilai kayu balak didapati ditebang secara haram di Selangor. Apakah siasatan dan tindakan terhadap operator haram berkenaan dan berapa syarikat dan nama-nama yang terlibat; dan
- (b) berapakah jumlah nilai kayu balak yang ditebang secara haram dan apakah status tanah-tanah yang terlibat dalam operasi oleh pengusaha haram.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kes pembalakan haram di Negeri Selangor yang telah didedahkan dan mendapat liputan media pada bulan Februari yang lepas adalah hasil kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Hutan Negeri Selangor, Ia merupakan langkah proaktif bagi menangani aktiviti-aktiviti pembalakan haram yang terdapat di negeri berkenaan. Hasil daripada tindakan tersebut dua orang operator telah berjaya ditahan kerana cuba menawarkan rasuah kepada pegawai awam. Di samping itu tindakan juga akan diambil di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 kerana melakukan kesalahan pembalakan haram dan kesalahan lain di bawah sumber asli dan alam sekitar.

JAWAPAN DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Untuk makluman YB Telok Intan, nilai kayu balak yang telah ditebang itu tidak mencecah jutaan ringgit sebagaimana yang dilaporkan di dalam media. Jumlah nilai kayu balak yang ditebang secara haram dianggarkan bernilai RM250,000.00 bagi kawasan Tanah Kerajaan Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor manakala bagi kawasan milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor di mukim yang sama, nilai kayu balak yang telah ditebang secara haram adalah dianggarkan RM350,000.00 sahaja.

SOALAN NO: 51

PERTANYAAN PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN L
DEWAN RAKYAT I
S

DARIPADA AN Dato' Ismail bin Kasim (Arau) 1
April 2010 (Khamis)

TARIKH Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang
SOALAN untuk membuat kajian semula terhadap insentif penjualan
ikan dan pemberian subsidi minyak diesel kepada nelayan di negara
ini agar mereka lebih berdaya saing.

JAWAPAN Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini di dalam
peringkat perbincangan bagi mengkaji semula pemberian subsidi
minyak dan insentif pendaratan ikan kepada nelayan. Pemberian
subsidi minyak dan insentif pendaratan ikan kepada nelayan sedang
dibincangkan di Makmal Merasionalisasikan Subsidi atau *Subsidy
Rationalization Lab* yang diwujudkan oleh Kerajaan, untuk mengkaji
semula kaedah dan pemberian terbaik subsidi minyak dan insentif

pendaratan ikan kepada neiyayan.

Kajian ini juga merangkumi bentuk subsidi yang lebih sesuai dan yang benar - benar diperlukan oleh kumpulan sasar, mekanisme penyaluran yang lebih cekap dan berkesan serta kadaryang bersesuaian.

SJ.B/(76)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATUK KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)
PERTANYAAN :	LISAN
TARIKH	01.04.2010 60AWU We> : 5*

Datuk Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) minta MENTERI KEWANOAN menyatakan apakah hasil siasatan oleh Bank Negara tentang kegiatan pengurup wang dan apakah jumlah wang yang telah dipindah keluar secara haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil siasatan Bank Negara Malaysia ke atas pengurup wang berlesen mendapati bahawa mereka terlibat dalam pelbagai kesalahan yang melanggar peruntukan Akta

Pengurupan Wang 1998 (Akta).

2. Sehingga kini, pihak Bank Negara Malaysia telah membatalkan 44 lesen pengurup wang yang telah disabitkan dengan pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan pengiriman dana ke luar negara atau kesalahan lain di bawah Akta. Kertas-kertas siasatan terkini yang melibatkan pengiriman dana ke luar negara oleh pengump wang berlesen yang disyaki melanggar seksyen 30 Akta Pengurupan Wang 1998 masih dalam siasatan dan maklumat mengenai siasatan tersebut adalah sulit

PEMBERITAHTAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
TARIKH	01.04.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan Kementerian Pelajaran memberikan penjelasan pengagihan penempatan guru di sekolah-sekolah yang masih kekurangan opsyen tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan penempatan guru di sekolah-sekolah adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kesesuaian

Soalan No : 54

pengkhususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut. Penempatan ini diuruskan berdasarkan kepada surat siaran penempatan bertarikh 29 Januari 2005 dan surat siaran bertarikh 28 November 2005. Namun begitu, ketidaksepadanan atau *mismatch* antara opsyen (pengkhususan mata pelajaran) dengan subjek yang diajar di sekolah sememangnya boleh berlaku. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah perlu dan mengkaji semula dasar penempatan guru untuk mengurangkan masalah *mismatch* opsyen ini. Antaranya ialah;

- i. Kelulusan pertukaran guru dibuat berdasarkan keperluan opsyen dan keperluan perkhidmatan; dan

- ii. Penempatan guru lebih mengutamakan keperluan murid daripada kepentingan dan kebajikan guru supaya penempatan dapat dilaksanakan berdasarkan opsiyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan *redeployment* yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri bertujuan menampung kekosongan opsiyen dan mengatasi *mismatch* yang wujud di sekolah-sekolah dalam daerah atau antara daerah di negeri berkenaan.

Di samping itu, dalam proses penempatan guru, selain daripada keutamaan penempatan berdasarkan keperluan perjawatan, penempatan guru juga akan mengambil kira anak kelahiran tempatan di kawasan tersebut terutama di kawasan pedalaman. KPM juga mengambil berat dan prihatin terhadap penempatan guru-guru wanita di kawasan pedalaman. Namun, KPM menghadapi kesukaran untuk menempatkan guru-guru lelaki di sekolah-sekolah pedalaman kerana calon guru lelaki dalam opsiyen tertentu amat berkurangan sedangkan keperluan perkhidmatan amat diperlukan di sekolah-sekolah berkenaan.

Rjm 72

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

DARIPADA	Y.B. PUAN KAMARUDDIN [AMPANG]	HAJAH ZURAIDA BINTI
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	1 APRIL 2010	

NO SOALAN : 54

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Badan Sokongan Kebajikan (BSK) untuk mentadbir sistem pinjaman pendahuluan kepada isteri-isteri yang telah mendapat perintah nafkah dari Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil, tetapi pembayaran belum diterima dari bekas suami.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua

Bayaran awal nafkah yang dilaksanakan oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Mahkamah Syariah bukanlah satu bayaran terus atau hangus kepada pemohon/penerima, sebaliknya ia dikutip daripada bekas suami/bapa yang telah gagal memberikan nafkah kepada anak-anak mereka setelah penguatkuasaan dilaksanakan. Bayaran awal nafkah akan diberikan dalam tempoh enam bulan sahaja bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung bekas ibu/isteri. Bekas suami/bapa masih bertanggungjawab untuk melunaskan tunggakan-tunggakan nafkah termasuklah bayaran awal atau yang telah didahulukan oleh BSK.

Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan (UKNP), BSK bertanggungjawab mengendalikan sesi khidmat kaunseling kepada pelanggan. UKNP akan mengeluarkan Notis untuk memanggil bekas suami atau bapa kepada anak hadir untuk tujuan siasatan tentang pematuhan perintah nafkah anak. Satu sesi perbincangan akan diadakan jika bekas suami atau bapa didapati gagal mematuhi perintah

tersebut. Jika terdapat penyelesaian, persetujuan itu akan direkod dan diendoskan di hadapan hakim bagi tujuan pengesahan.

Sekiranya tiada persetujuan tercapai, UKNP akan menyalurkan kes ini kepada Unit Penguatkuasaan Pelaksanaan Perintah (UPP), BSK. Sementara menunggu proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dijalankan, pegawai BSK akan mencadangkan kepada Unit

Pengurusan Dana (UPD) BSK agar pendahuluan nafkah anak dibayar mengikut kadar nafkah yang telah diputuskan dalam perintah.

Pada masa yang sama Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah, BSK berperanan menjalankan tugas sebagai Peguam Syarie dalam mendapatkan perintah penguatkuasaan daripada Mahkamah Syariah yang berkaitan serta tugas bailif bagi menjalankan kaedah-kaedah penguatkuasaan yang akan diputuskan oleh Mahkamah.

Proses bagi menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah oleh UPPP adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang Tatacara Mai Mahkamah Syariah. UPPP akan menentukan jenis tindakan Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah dalam salah satu bentuk tindakan seperti berikut

- a) Notis Tunjuk Sebab / Komital - Notis Tunjuk sebab kenapa beliau tidak patut dimasukkan ke penjara atas sebab tidak melaksanakan perintah nafkah.
- b) Penyitaan dan Penjualan - Permohonan untuk menyita dan menjual harta-harta milik Penghutang Penghakiman
- c) Penyitaan dan Penghantarserahan Harta Alih - Permohonan untuk menyita harta alih Penghutang Penghakiman dan menyerah kepada Penghutang Penghakiman
- d) Hiwalah - sekiranya wang Penghutang Penghakiman di bawah milikan pihak ketiga untuk dibayar kepada Penghutang Penghakiman contohnya berada di bank
- e) Saman Penghutang Penghakiman

Sekian, terima kasih.

M:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULONG]

TARIKH
DARIPADA 1 APRIL 2010

SOALAN [55] YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULONG] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan tindakan yang diambil terhadap
campur tangan Ahli Parlimen Australia terhadap
keutuhan Sistem perundangan negara ini dan
apakah langkah yang telah diambil untuk
menjelaskan kes perbicaraan Ketua
Pembangkang kepada ahli-ahli Parlimen
tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB

LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING] 17

TARIKH

MAC 2010

SOALAN

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian dan penjelasan Kerajaan dalam isu petisyen lebih 50 orang Ahli Parlimen dan Senator Negara Australia yang menggesa Kerajaan serta Jabatan Peguam Negara menggugurkan dakwaan terhadap Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : AN RAKYAT MALAYSIA

JAWAB LISAN

DARIPADA

TARIKH YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN 15 APRIL 2010

D YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
E apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan
berikutan memorandum yang ditandatangani oleh
W lebih daripada 50 orang Ahli Parlimen Australia
yang menggesa tuduhan jahat dan konspirasi
politik terhadap YB Dato' Seri Anwar Ibrahim

digugurkan.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Taiping bertarikh 17 Mac 2010 serentak bersama soalan daripada Yang Berhormat Parit Sulung bertarikh 1 April 2010 dan Yang Berhormat Gombak bertarikh 15 April 2010 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sedia maklum bahawa perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim seperti perbicaraan beliau sebelum ini akan menarik perhatian pelbagai pihak sama ada di dalam atau di luar negara. Oleh yang demikian, reaksi dari sekumpulan Ahli Parlimen Australia dalam perkara ini bukanlah satu perkara di luar jangkaan. Oleh yang demikian, kerajaan bertanggungjawab memberi penjelasan sewajarnya kepada mereka bagi mempertahankan kedaulatan negara dan keluhuran undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah menemui ahli Parlimen yang berkenaan untuk memberi penjelasan kepada beliau mengenai fakta-fakta sebenar tentang kes mahkamah Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Seperti kita maklum, ahli parlimen tersebut dilaporkan telah menyentuh perkara ini dalam ucapan beliau di Parlimen Australia.

4. Sebagai tindakan selanjutnya, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah juga menulis surat kepada 50 ahli parlimen yang tersenarai dalam surat yang diutuskan kepada beliau bagi memperjelaskan kedudukan sebenar berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

5. Selain daripada itu, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh Menteri Luar Negeri pada 12 Februari 2010 untuk menyangkal dakwaan ahli Parlimen Australia dan menasihati mereka supaya menghormati keluhuran undang-undang Malaysia yang mengutamakan keadilan dan hak rakyat tanpa mengira pangkat dan darjat.

6. Harus dijelaskan bahawa pandangan yang disampaikan oleh beberapa Ahli Parlimen Australia tidak mewakili atau mencerminkan pendirian Kerajaan Australia yang sememangnya tidak ingin campur tangan dalam hal-ehwal dalaman di Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia dan semua Perwakilan Malaysia di luar negeri akan terus memantau perkembangan laporan dan pandangan berhubung perbicaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan akan memberikan penjelasan di mana timbul keperluan.

Sekian, terima kasih.

Htr'Q

SJ.B/(77)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 01.04.2010 SOAIAN NO B&>

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta MENTERI KEWANGAN
menyatakan:-

- (a) sama ada benar pada tahun 2008, Mohd Hassan dan Datin Seri Rosmah Mansor mengirimkan dana ke luar negeri melalui Salamah Ali Money Changer Sdn Bhd yang melanggar Akta Pengurup Wang 1998; dan
- (b) apakah tindakan undang-undang diambil terhadap pengirim yang melanggar undang-undang.

DARIPADA DATUK KAMARUDIN BIN JAFFAR
 (TUMPAT)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 01.04.2010

Datuk Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah hasil siasatan oleh Bank Negara tentang kegiatan pengurup wang dan apakah jumlah wang yang telah dipindah keluar secara haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Batu bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Tumpat kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka dari tahun 2006 sehingga kini, pelbagai tindakan di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 (Akta) telah diambil ke atas pengurup* pengurup wang berlesen yang melanggar peruntukan Akta seperti pembatalan lesen, pengenaan kompaun oleh Bank Negara Malaysia dan tindakan denda oleh mahkamah. Amaran juga dikeluarkan kepada pengurup wang berlesen yang berkenaan supaya kesalahan serupa tidak berulang.

2. Sehingga kini, pihak Bank Negara Malaysia telah membatalkan 44 lesen pengurup wang yang telah disabitkan dengan pelbagai kesalahan berkaitan pengiriman dana ke luar negara atau kesalahan lain di bawah Akta. Kertas-kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2008 dan 2009 mengenai pengiriman dana ke luar negara oleh pengurup wang berlesen yang dlsyaki melanggar seksyen 30 Akta masih dalam pelbagai peringkat siasatan dan maklumat mengenai siasatan tersebut adalah sulit. Sekiranya pengurup wang berlesen didapati melanggar peruntukan akta lain yang di luar bidang kuasa pihak Bank Negara Malaysia, hasil

siasatan akan dipanjangkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

3. Bank Negara Malaysia boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pengirim dana yang membuat penghantaran dana ke luar negara secara haram di bawah Akta yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu. Sekiranya hasil siasatan pihak Bank Negara Malaysia mendapati pengiriman dana itu melibatkan aktiviti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, pengirim dana itu juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

A/D: 57

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
(LEDANG)
TARIKH 1 APRIL 2010

SOALAN

57

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kemajuan Pusat Sains Negara selaras dengan usianya berbanding dengan pusat-pusat sains di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Pusat Sains Negara (PSN) agensi dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mula dibuka kepada orang ramai pada 2 Disember 1996. Sehingga kini PSN telah menjangkau seramai lebih kurang 4,009,919 pelawat yang terdiri dari pelbagai peringkat umur melalui program jangkau -dalam dan jangkau -luar PSN. Seperti pusat-pusat sains di peringkat antarabangsa PSN juga melaksanakan program dan aktiviti sains untuk disertai oleh orangramai bagi memperkayakan dan memaksimumkan lagi pengalaman serta faedah yang diperoleh apabila berkunjung ke PSN. Program-program jangkau-dalam yang dianjurkan di PSN adalah seperti berikut:

i) Program Awam

Program yang boleh disertai apabila pengunjung melawat ke PSN. Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah seperti *Science Show*, *Science Busking*, *Xplore Your Creativity* dan *Xperiment*.

ii) Program Sekolah

Program-program yang direkabentuk khas untuk memantapkan lagi pembelajaran sains, teknologi dan inovasi di kalangan pelajar- pelajar

sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ialah Saintis Tunas, Jejak Sains, *Innotech*, *Biotech* dan Keajaiban sains.

iii) Program Khas

Program yang direka bentuk mengikut keperluan khas. Program ini terbahagi kepada dua komponen utama iaitu Program untuk komuniti dan Program untuk pendidik. Program komuniti yang dijalankan ialah *Special Science Day*, *Science Kid*, Sekolah Angkat dan Warga Angkat. Manakala program khas untuk Pendidik adalah *Profesional Development*, *Familiarization* dan Penempatan pendidik.

Pelaksanaan program-program sains seumpama ini merupakan amalan semua pusat sains di dunia. Walaubagaimanapun setiap pusat sains perlu membangunkan dan merekabentuk program-programnya mengikut demand, kesesuaian dari segi sensitiviti, budaya dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, program-program PSN juga dibangunkan dengan keunikan tersendiri. Malahan dalam beberapa persidangan antarabangsa, beberapa buah negara begitu mengkagumi dan ingin mendapatkan maklumat terperinci mengenai Program Saintis Tunas dan *Science Special Day* yang dianjurkan oleh PSN.

Tuan Yang Dipertua,

PSN juga menyediakan Program jangkau-luar yang merupakan program khas bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat yang berada di luar kawasan Kuala Lumpur merasai pengalaman dan faedah dari sesebuah pusat sains. *Trend* menyediakan program jangkau-luar seumpama ini juga banyak dilaksanakan di Negara-negara seperti India, Australia, New Zealand, Singapura, Thailand, Mexico, Amerika Latin dan lain-lain.

Seiring dengan perkembangan sains dan teknologi yang pesat, PSN juga sentiasa menganjurkan pameran-pameran bertema bertaraf antarabangsa yang dibawa khas dari luar negara. Tujuan utama penganjuran pameran seumpama ini adalah bagi menawarkan kandungan baru bertaraf antarabangsa kepada orang ramai apabila mengunjungi PSN . Antara Pameran Bertema yang telah dianjurkan adalah seperti Pameran Seratus Tahun Hadiah Nobel, Pameran Kegemilangan Sains dalam tamadun Islam, Pameran Robotzoo, *The Survival*, *Backyard Monster* dan *Da Vinci - The Genius*.

PSN juga merupakan ahli kepada pertubuhan-pertubuhan pusat sains antarabangsa seperti *Association of Science and Technology Centre(ASTC)*, *The European Network of Science Centres and Museums (Ecsite)* dan *Asia Pacific Network of Science and Technology Centre*. PSN sentiasa bergiat aktif dan menggunakan landasan (platform) ini bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya.

PSN juga sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak semasa pihak kerajaan , badan bukan kerajaan , pihak swasta dalam dan luar negara untuk menganjurkan program-program yang berbentuk perkongsian bestari. Selain daripada itu, PSN juga sentiasa memainkan peranan untuk memberi khidmat nasihat kepada mana-mana pihak yang ingin membangunkan institusi untuk mempopularkan sains dan teknologi sama ada melalui pameran interaktif ataupun program-program sains di dalam dan luar negara. Antaranya adalah seperti Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu dan Balai Cerap Al-khawarizmi Melaka serta Taman Pintar, Yogyakarta , Indonesia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

JAWAPAN:

DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
 [BAGAN SERAI]

TARIKH 1 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tentang pengumuman bahawa Kementerian akan mewujudkan sebuah panel khas bagi memantau kandungan program di televisyen dan radio:

- a) siapakah yang terlibat dalam Panel Khas ini; dan
- b) apakah kayu ukur bagi menentukan bahawa sesebuah program itu berfaedah kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memantau kandungan siaran di stesen TV milik Kerajaan, terdapat

2 Jawatankuasa Penilaian Kandungan Rancangan TV. Jawatankuasa ini membuat penilaian kandungan dan kualiti program berdasarkan Garis Panduan Siaran TV oleh RTM. Bagi stesen radio RTM pula, Jawatankuasa Penilaian Lagu bertanggung jawab membuat penilaian ke atas lagu-lagu yang akan disiarkan

JAWAPAN:

berdasarkan Garis Panduan Siaran Radio.

Manakala bagi stesen-stesen swasta yang dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), syarat-syarat khas lesen menetapkan pematuhan kepada Kod Kandungan yang dibangunkan bersama oleh Forum Kandungan dan Multimedia Malaysia dan SKMM.

Selain itu, Garis Panduan Penapisan Filem oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF), Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Menyentuh Seni dan Budaya oleh KPKK dan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam oleh JAKIM juga turut dirujuk oleh semua stesen radio dan televisyen.

Aduan orang ramai merupakan kayu ukur kepada Kementerian ini dalam memastikan sesuatu program yang disiarkan adalah berkesan atau sebaliknya. Pihak Kementerian sentiasa memastikan supaya tindakan diambil ke atas setiap aduan yang dikemukakan oleh penonton dan jika

bersesuaian, langkah memperkemas garis panduan segera diambil bagi mengelakkan aduan yang sama berulang di masa hadapan.

NO. AUM : 51

NO. AUP : 5^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]

1 APRIL 2010

TARIKH

2431

RUJUKAN

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang
yang ditahan di pusat- pusat pemulihan dadah dan di penjara atas
kesalahan pengambilan dadah dengan menyatakan bangsa, jantina dan
umur mereka yang ditahan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penghuni yang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) pada tahun 2009 adalah seramai 6,938 orang yang terdiri dari 6,805 lelaki dan 133 wanita. Daripada jumlah ini, seramai 5,485 adalah Melayu, 650 Cina, 581 India, 191 pribumi Sabah /Sarawak dan 31 lain-lain bangsa. Umur penghuni PUSPEN yang menjalani rawatan adalah di antara 17 hingga 62 tahun.

Statistik Jabatan Penjara pada 1 Mac 2010 pula menunjukkan terdapat seramai 4,092 banduan sedang ditahan reman atau menjalani hukuman di penjara di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya kerana kesalahan berkaitan pengambilan dadah. Daripada jumlah itu, seramai 2,497 adalah banduan reman (*unconvicted*) dan 1,595 banduan sabitan (*convicted*).

Seterusnya seramai 3,912 atau 95.6% daripada jumlah di atas merupakan lelaki. Dari segi kewarganegaraan, 2,229 atau 54.5% merupakan warga Malaysia manakala dari segi umur pula ianya melibatkan mereka yang berumur 20 tahun dan ke atas.

AO

KK/BP(1.10)294/6-73 S J. B (84)

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
NEGARA, MALAYSIA

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
(RANTAU PANJANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 01.04.2010 SOW.AW MO • CO

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh mana kajian dibuat terhadap pelaksanaan cukai GST. Apakah impak kepada rakyat dan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kajian yang teliti dan menyeluruh untuk melaksanakan GST sebenarnya telah mula dijalankan oleh Kerajaan semenjak tahun 2005. Antara aspek utama yang diberi perhatian di dalam kajian tersebut adalah model GST yang paling sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia dimana ianya telah mengambikira contoh-contoh dan pengalaman daripada negara yang telah melaksanakan GST. Kajian juga dilakukan bagi menilai impak sosial pelaksanaan GST terhadap rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

2. Secara asasnya, GST akan memberi kesan yang minimum kepada rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah kerana pelaksanaan GST adalah untuk menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada. Kadar GST yang akan dikenakan adalah lebih rendah daripada kadar cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada. Selain daripada itu, beberapa makanan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak, sayuran, ikan dan daging ternakan, telur dan kemudahan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan, pengangkutan awam, rumah kediaman dan tanah pertanian adalah tidak dikenakan GST.

Soalan NO:

61 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT SOALAN	SOALAN LISAN YB. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] 1 APRIL 2010 (KHAMIS) NO. 61
---	---

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan tahap kemajuan pembangunan penjanaan elektrik Hidro Bakun untuk membekal tenaga elektrik ke Semenanjung setakat ini dan apakah sebenarnya kerumitan bekalan tenaga elektrik ini tidak boleh dibekalkan ke Sabah yang jauh lebih dekat dari Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga bulan Februari 2010, pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun ialah pada tahap 95% siap. Berdasarkan perancangan Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB), ia dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari 2011. Berhubung dengan cadangan untuk menyalurkan bekalan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun ke Semenanjung pula, kerja-kerja awal yang tidak melibatkan pembangunan infrastruktur fizikal, telah pun dimulakan. Kerja-kerja tersebut termasuklah penentuan jajaran talian penghantaran, perbincangan dengan pihak

Indonesia mengenai laluan kabel dasar laut dan perbincangan mengenai teknologi kabel yang akan diguna pakai bagi talian penghantaran di dasar laut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Kerajaan membuat keputusan untuk tidak menyalurkan bekalan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun ke Sabah. Antara faktor tersebut ialah:

- (i) Permintaan bekalan elektrik tambahan yang rendah di Sabah, iaitu dalam lingkungan 300MW mengakibatkan kos untuk menyalurkan bekalan elektrik ke Sabah terlalu tinggi. Sehubungan itu, adalah lebih wajar pembinaan stesen-stesen jana kuasa yang lebih efektif dari segi kos dipertimbangkan bagi memenuhi permintaan elektrik di Sabah; dan
- (ii) Keadaan muka bumi di antara negeri Sarawak dan Sabah yang mencabar menyukarkan pembinaan talian penghantaran untuk membekalkan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun ke Sabah dan ini seterusnya meningkatkan kos penyaluran dan penyelenggaraan sistem bekalan elektrik ke Sabah.

Sungguhpun Kerajaan membuat keputusan untuk tidak menyalurkan bekalan elektrik dari Projek Hidro Elektrik Bakun ke Sabah, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi untuk negeri Sabah.

SJ.B/(79)

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN JEFF 001CHUAN AUN
(JELUTONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1.04.2010 SOAUW v1© • Q Z

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah pencapaian 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) setakat ini dalam kegiatan pelaburan dalam sektor-sektor sasar. Apakah KPI bagi usaha sama 1MDB dengan Masdar (Abu Dhabi) dan State Grid Corporation of China (SGCC).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, 1MDB telah ditubuhkan pada tahun 2009 bagi menerajui inisiatif-inisiatif strategik pembangunan ekonomi jangka panjang yang mapan dan menggalakkan pengaitran masuk pelaburan asing ke dalam negara.

2. Sehingga kini, 1MDB telah melabur dalam syarikat usaha sama dengan PetroSaudi yang bertujuan untuk mendapatkan, meneroka dan mengambil bahagian dalam peluang ekonomi dan pemiagaan yang boleh membawa kepada pembangunan ekonomi negara. 1MDB juga telah memeterai beberapa Perjanjian Persefahaman dengan syarikat strategik asing termasuk Abu Dhabi Future Energy

Company ("Masdar") untuk meneroka dan melabur dalam projek teknologi bersih dan pembangunan bandar bebas karbon pertama serantau, dengan MDC Real Estate & Hospitality Company LLC ("MREH") untuk berkongsi pengetahuan teknikal dan meneroka serta menilai peluang pemiagaan di dalam projek-projek berkaitan sektor hartanah dan pengurusan hospitaliti.

3. Selain itu, 1MDB juga memeterai perjanjian rangka kerjasama bersama State Grid Corporation of China ("SGCC") untuk melaksanakan beberapa projek yang telah dikenalpasti di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak ("SCORE").

4. Projek-projek usaha sama ini bertujuan untuk menggalakkan pelaburan langsung asing ke Malaysia seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh sebab perincian yang dimeterai merupakan persefahaman sahaja dan perbincangan adalah di peringkat awal, maka KPI bagi projek usaha sama dengan Masdar dan SGCC masih belum dapat ditentukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN JOHN AIL FERNANDEZ
TARIKH 1 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk

NO. SOALAN: C3

meminda Seksyen 51 (1) Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) yang kini memperuntukkan penyitaan kenderaan selama satu bulan (30 hari) kepada 7 hari sahaja.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERIMOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) memandangkan pindaan tersebut tidak relevan pada masa ini. Ini kerana Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) akan dibubarkan dan fungsi serta peranan LPKP akan diambil oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang dijangka akan ditubuhkan bermula Jun 2010.

Sehubungan itu, sebarang cadangan berhubung penambahbaikan kepada Akta 334 sebelum ini wajar dibawa semasa perbahasan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang dijangka dibentangkan pada Persidangan Dewan Rakyat ke-12, Penggal ke-3, Mesyuarat

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERIMOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

Pertama yang bermula pada 15 Mac 2010.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]**

TARIKH 1 APRIL 2010 (KHAMIS)

SOALAN

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta MENTERI
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

SOALAN NO: 65

- a) berapakah peruntukan yang telah dan yang akan dibelanjakan oleh Kementerian untuk mempromosikan 1 Malaysia; dan
- b) apakah program 'JUARA RAKYAT' termasuk salah satu daripada kempen 1 Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Usaha mempromosikan 1 Malaysia dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian melalui pelbagai mekanisme seperti aktiviti komunikasi bersemuka, publisiti luaran, media cetak, media elektronik dan media baru. Sehubungan itu, tiada peruntukan khas diberikan kepada Kementerian ini bagi mempromosikan 1 Malaysia.
- b) Program 'JUARA RAKYAT' tidak termasuk sebagai salah satu daripada program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi mempromosi 1 Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN SIM TONG HIM
 (KOTA MELAKA)
TARIKH 01.04.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) adakah benar bahawa SRJK (C) dan SRJK (T) perlu mempunyai dana 80% barulah dibenarkan melaksanakan projek pembinaan sekolah masing-masing dan jika ya, sila berikan sebab keputusan ini dilaksanakan; dan
- (b) jika tidak, sila nyatakan kedudukan Kementerian dalam hal pembinaan dan penempatan semula SRJK (C) dan SRJK (T).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKC dan SJKT terbahagi kepada dua jenis sekolah iaitu sekolah kerajaan yang mana hak milik, tanah dan bangunan sekolahnya adalah kepunyaan kerajaan secara mutlak, manakala satu jenis lagi digelar sekolah bantuan kerajaan yang mana hak milik tanah dan bangunan sekolah dimiliki oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dalam konteks SJKC.

Bagi SJKC jenis sekolah kerajaan, pembinaan bangunan baru, bangunan gantian, naik taraf dilaksanakan dan dibiayai oleh KPM.

Bagi SJKC, jenis sekolah bantuan kerajaan, pelan pembangunannya akan diluluskan oleh KPM, dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

KPM sedang mengkaji semula syarat-syarat penetapan dana bagi pembinaan sekolah bantuan kerajaan setelah mendengar pandangan dan rungutan dalam kalangan LPS.

Soalan No: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA PE
RT
AN
TARIKH YA
AN

LISAN

YB. Puan Hajah Fuziah binti Salleh

01.04.2010 (Khamis)

NO. SOALAN **66**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bagaimana dan apakah strategi Halal Industry Development Corporation (HDC) untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) berjumlah sebanyak RM500 juta seperti yang telah disasarkan pada tahun ini.

TAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menggalakkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam industri halal, Halal Industry Development Corporation (HDC) terus bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk mengenalpasti potensi pelaburan tambahan dan pelaburan baru oleh syarikat Multinasional yang sedang beroperasi di Malaysia. Pada masa ini, terdapat empat (4) kelompok utama industri Halal iaitu Makanan Diproses, Kosmetik & Barangan Dandanannya, Farmaseutikal, Ramuan Halal dan Haiwan Ternakan yang berpotensi untuk terus dibangunkan.

Strategi yang diketengahkan adalah dengan mempromosikan kelebihan Malaysia dari segi daya saing kos (*cost competitiveness*) di dalam aktiviti hiliran; keupayaan di

dalam menguruskan sumber manusia dan pengiktirafan

Sijil Halal Malaysia di mata dunia, di samping menjadikan Malaysia sebagai akses kepada pasaran dunia melalui perkhidmatan logistik yang bersepadu. Selain daripada itu, Malaysia juga akan mengoptimumkan perhubungan di antara pengusaha halal di dalam negara dan serantaunya dalam konteks Perdagangan Bebas Cukai Asia (AFTA) di mana syarikat-syarikat tersebut dapat menambahbaik keupayaan syarikat mereka melalui usahasama (JV).

HDC telah pun bekerjasama dengan negara-negara ASEAN seperti Thailand dan Filipina melalui sesi pepadanan perniagaan dengan syarikat-syarikat halal Malaysia. Pada bulan Januari 2010, HDC telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program bersama dengan Lembaga Pelaburan Thailand (Thailand Board of Investment) yang telah memperlihatkan perjanjian persefahaman (MoU) di dalam pelaburan bersama antara syarikat Malaysia dan Thailand.

Strategi-strategi lain yang akan dilaksanakan adalah dengan menjalankan program pemasaran di negara-negara pasaran utama melalui organisasi perdagangan dan syarikat-syarikat Multinasional mereka yang beroperasi di Malaysia.

Di samping itu, HDC telah pun menyediakan beberapa insentif bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam Malaysia terutama ke dalam Taman-Taman Halal yang sudah beroperasi. HDC telah menerima pelbagai pertanyaan mengenai kemudahan insentif yang telah disediakan di samping ini sedang merancang insentif-insentif baru untuk menarik pelabur-pelabur luar negara. Sebagai contoh, HDC mempunyai jalinan kerjasama dengan Japan External Trade Organisation (JETRO), Jepun untuk membuat promosi kepada syarikat-syarikat di Jepun secara berkala. Melalui jalinan kerjasama ini juga, sebuah syarikat terkenal di Jepun telah memulakan operasi pelaburannya di Taman Halal Serkam, Melaka.

NO.AUP :<^T

NO. AUM : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]

TARIKH 1 APRIL 2010

RUJUKAN 2433

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) apakah langkah yang telah diambil untuk
mengelakkan kejadian kematian orang banduan di dalam lokap;
dan

(b) berapakah kes kematian telah berlaku sejak 2000
mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahii-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a) kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan kejadian kematian didalam lokap iaitu:

- i) Menaik taraf lokap-lokap di balai-balai polis yang baru serta yang sedia ada;
- ii) Melengkapkan lokap dengan peralatan CCTV bagi memastikan keadaan lokap bersama dengan orang kena tahan dapat dipantau terus samada dari anggota yang bertugas di lokap ataupun dari anggota dan pegawai yang bertugas di bilik gerakan;
- iii) Menambah kekuatan anggota bertugas di lokap bagi memastikan pengawasan ke atas orang kena tahan; dan
- iv) Semua orang-orang yang kena tahan akan dipantau dari segi kesihatannya serta mendapat rawatan kesihatan jika diperlukan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, jumlah kes kematian di dalam lokap yang dilaporkan sejak tahun 2000 mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA-NEGARA ASING	JUMLAH KES
1	Perlis	0	0	0	0	0	0
2	Kedah	6	3	3	0	5	17
3	Pulau Pinang	2	11	2	0	0	15
4	Perak	2	4	1	0	0	7
5	Selangor	13	3	6	0	0	22
6	Kuala Lumpur	5	2	5	1	0	13
7	Negeri Sembilan	3	1	2	2	2	10
8	Melaka	2	0	1	0	0	3
9	Johor	8	3	5	0	4	20
10	Pahang	0	1	1	0	1	3
11	Terengganu	16	0	0	0	0	16
12	Kelantan	6	0	0	0	0	6
13	Sabah	0	0	0	3	1	4
14	Sarawak	1	1	0	2	1	5
	JUMLAH	64	29	26	8	14	141

NO. AUP : Q?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

NO. AUM : 51

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
TARIKH 1 APRIL 2010
RUJUKAN 2435

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah rasional pihak polis dan FRU mencampuri urusan proses pilihan raya kampus dan bertindak keras ke atas penuntut-penuntut khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 29 Januari 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gombak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, tiada penglibatan pihak polis dan FRU dalam urusan proses pilihan raya kampus dan bertindak keras terhadap penuntut-penuntut seperti yang di maksudkan oleh Yang Berhormat. Walaubagaimanapun, pihak keselamatan Universiti Kebangsaan Malaysia telah meminta bantuan pihak polis untuk menyuraikan keadaan semasa proses pilihan raya berkenaan bagi mengelakkan keadaan yang tidak di ingini berlaku semasa proses tersebut.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH 1 APRIL 2010

SOALAN NO.: 69

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI

menyatakan kedudukan sepenuhnya mengenai sebidang tanah seluas 400 ekar lebih di Semenyih, Selangor yang dibeli oleh Jabatan Perdana Menteri daripada Kerajaan Selangor dalam tahun 2000 / 2001 untuk dijadikan tanah perkuburan berbagai agama dan kaum bagi penduduk-penduduk Kuala Lumpur bila tanah perkuburan sedia ada di ibu kota telah penuh dan tidak berupaya untuk menampung keperluan akan datang.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah seluas lebih kurang 436 ekar di Semenyih adalah merupakan tanah milik persendirian yang telah diambil balik oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Tujuan langkah ini sebenarnya adalah untuk menempatkan semula kubur Cina, Jepun, Kristian dan Islam di Jalan Lapangan Terbang, Jalan Loke Yew dan Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur yang terlibat dengan pembangunan secara penswastaan. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada tahun 2000 telah memutuskan supaya tapak perkuburan yang sedia ada itu dikekalkan kerana projek pembangunan tersebut tidak diteruskan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun tanah tersebut telah dibuat pengambilan dan pampasan telah dibayar, namun Kerajaan Negeri belum lagi meluluskan hak milik kepada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 10

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' SERI

MOHAMMAD NIZAR BIN

JAMALUDDIN (BUKIT

TARIKH

GANTANG) 01.04.2010

SOALAN

7D

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh Kementerian dengan Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan dalam usaha memastikan penyaluran kemudahan infrastruktur kepada penduduk luar bandar dan dapat dinikmati oleh rakyat secara maksima.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sentiasa berusaha memastikan kemudahan infrastruktur dapat disalurkan kepada penduduk luar bandar supaya dapat dimanfaatkan bagi menggerakkan aktiviti ekonomi dan seterusnya dapat membantu meningkatkan pendapatan dikalangan mereka. Untuk tujuan tersebut, kerjasama dan penyelarasan dibuat dengan Pejabat Daerah di peringkat daerah atau Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Pembangunan Persekutuan di peringkat negeri. Di bawah Program Pemajuan Kawasan umpamanya, KKLW menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah bagi mendapatkan tapak yang sesuai bagi membangunkan sesuatu projek, memandangkan pentadbiran tanah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Begitu juga dengan pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

dimana kerjasama dijalankan dengan

menubuhkan Jawatankuasa *Focus Group* pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah bertujuan mengelakkan isu *mistargeting* dan *mismatching* kumpulan sasaran yang layak mendapat bantuan di bawah program berkenaan. Walaupun Sistem e-Kasih diguna sepenuhnya dalam mengenalpasti senarai nama peserta program, namun KKLW masih menerima senarai yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Pembangunan Persekutuan melalui Jawatankuasa *Focus Group*.

KKLW juga telah mewujudkan Bahagian Pembangunan dan Pemantauan di setiap negeri yang bertindak sebagai agen bagi mempercepatkan penyaluran kemudahan infrastruktur di luar bandar serta menjadi alat perhubungan dengan Pejabat Daerah atau Pejabat Pembangunan Negeri / Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga/ KKLW menggunakan jaringan (*networking*) dengan agensi pelaksana sedia ada seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta mengoptimumkan penggunaan agensi-agensi di bawah KKLW sendiri seperti FELCRA, RISDA, KETENGAH, KESEDAR dan KEDA dalam melaksanakan projek-projek seperti Projek Jalan Luar Bandar. Melalui agensi-agensi pelaksana ini, KKLW mengadakan pertemuan/perbincangan dengan pihak berkuasa termasuk Pejabat Pembangunan Negeri / Jabatan Pembangunan Persekutuan serta pemimpin-pemimpin tempatan seperti Pegawai Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Penghulu, JKKK dan sebagainya dari semasa ke semasa berhubung pelaksanaan projek.

NO. SOALAN : &

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB DATO' JOHARI BIN ABDUL

 [SUNGAI PETANI]

TARIKH 1 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan akhbar The Times of India pada 19 Januari 2010 melaporkan Perdana Menteri telah menggunakan perkhidmatan syarikat APCO Worldwide milik warganegara Amerika Syarikat bagi menaikkan imej beliau hingga muncul slogan Satu Malaysia

- (a) adakah Kerajaan berhasrat mengambil tindakan mahkamah kerana laporan ini yang telah menjejaskan imej Perdana Menteri di mata dunia ; dan
- (b) jika benar, perkhidmatan *APCO Worldwide* digunakan, adakah Perdana Menteri menggunakan wang kerajaan untuk membayar yuran khidmat mereka dan berapa jumlah yang dibayar.

JAWAPAN : (DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya tidak ada laporan akhbar yang dikeluarkan oleh Times of India menyatakan Perdana Menteri menggunakan perkhidmatan APCO *Worldwide* Sdn Bhd pada 19 Januari 2010, sebagaimana dinyatakan oleh YB Sungai Petani.

Sekian, terima kasih.

